

**Bab 3:
Konsep
Dosa Warisan**

A. PENDAHULUAN

Bab ini akan menelusuri konsep dosa warisan di dalam agama Kristian dengan memfokuskan kepada pandangan mazhab Roman Katholik atau Katholik. Ini kerana mazhab Roman Katholik atau Katholik merupakan mazhab yang terbesar di dunia yang telah disebarluaskan oleh para penjajah Eropah¹ dan sekaligus mendominasikan kekuasaan gereja dan ajaran-ajaran agama Kristian kini keseluruhannya berbanding yang lain.

Untuk memahami konsep dosa warisan secara lebih mendalam, kajian ini akan membincangkan dari aspek pengertian dosa dan dosa warisan, konsep dosa dan dosa warisan dan beberapa pandangan mazhab utama di dalam agama Kristian terhadap doktrin dosa dan dosa warisan. Perbincangan ini dilakukan untuk mendapatkan gambaran sebenar perbandingan di antara konsep dosa secara umum dan dosa warisan yang merupakan tunjang utama perlaksanaan doktrin-doktrin seperti *trinity*, *baptism*, *salvation* dan sebagainya di dalam agama Kristian. Perbandingan pendapat di dalam mazhab pula adalah satu usaha untuk mendapatkan pemahaman lanjut terhadap konsep doktrin dosa warisan dan perlaksanaannya di dalam agama Kristian khususnya dalam mazhab Roman Katholik.

¹ John R. Hinnels (1984), *Dictionary of Religious*. London: Penguin Books, hal. 274.

B. KONSEP DOSA WARISAN

1. Pengertian Dosa dan Dosa Warisan

Terdapat pelbagai pengertian yang merujuk kepada istilah dosa. Secara umumnya ia diletakkan sebagai satu bentuk kesalahan yang bertentangan dengan peraturan Tuhan. Untuk menjelaskan perkara ini lebih lanjut, kajian ini menyoroti pengertian dosa dari aspek bahasa dan pendapat sarjana Barat dan ahli teologi Kristian.

Di dalam bahasa Inggeris dosa disebut sebagai *sin* yang bermaksud suatu perbuatan yang diketahui adalah salah dan bertentangan dengan diri dan agama yang mana ianya merujuk kepada pelanggaran terhadap peraturan-peraturan tuhan dan moral². Perkataan *sin* juga digunakan di dalam ilmu matematik yang merujuk kepada kaedah pengiraan *hypotenuse*³ (*sine*, *cosine*, *tangen*). *Sin* juga merujuk kepada Tuhan bangsa Sumeria di mana Tuhan Bulan mereka dikenali dengan *Sin*⁴. Namun di dalam pengkajian ini penggunaan kalimah *sin* yang dikehendaki adalah yang merujuk kepada dosa dan perbuatan-perbuatan dosa.

Manakala di dalam bahasa Ibrani dosa disebut dengan pelbagai perkataan yang merujuk kepada jenis-jenis dosa yang dilakukan iaitu *het*, *avon* dan *pesha* yang bererti dosa yang tidak disengajakan, dosa yang dilakukan

² Judy Pearsall and Bill Trumble (1996), *The Oxford English Reference Dictionary*. Oxford, New York: Oxford University Press, edisi ke-2, hal. 1352 dan _____ (1970), *Encyclopaedia Britannica*, jilid 20, hal. 700.

³ Loc.cit, *The Oxford English Reference Dictionary*, hal. 1352 & 1353.

⁴ Loc.cit, *Encyclopaedia Britannica*, hal. 701.

dengan sengaja dan dosa sebagai suatu pemberontakan atau *rebellious*⁵. Namun secara umumnya dosa di dalam bahasa Ibrani ataupun di dalam agama Yahudi boleh diertikan sebagai sebarang bentuk pelanggaran yang lari daripada kehendak agama⁶.

Berasaskan pengertian tersebut, secara umumnya dosa adalah sebarang bentuk perbuatan yang diketahui ianya salah berdasarkan kesedaran manusia dan ianya juga merupakan suatu bentuk perbuatan yang salah terhadap Tuhan ataupun Tuhan-tuhan⁷.

Di dalam *The Oxford Reference Dictionary*, dosa didefinisikan sebagai perbuatan yang melanggar peraturan agama ataupun moral, terutamanya perbuatan yang dilakukan secara sengaja yang mana perbuatan tersebut merupakan suatu dosa. Dosa juga merupakan suatu kesalahan yang serius dan ia merupakan suatu perbuatan yang bertentangan dengan perkara lumrah (melakukan dosa)⁸. Dosa sebagaimana yang diertikan di dalam *Websters Unified Dictionary and Encyclopedia* pula, adalah suatu kesalahan yang melanggar peraturan-peraturan Tuhan; kejahanan, kekejadian; suatu

⁵ R.J Zwi Weblowsky & Geofrey Wigoder (1967), *The Encyclopedia of the Jewish Religion*, hal. 361.

⁶ *Ibid.*

⁷ _____ (1970), *Chamber's Encyclopedia*. London: International Learning System Corporation Limited, jilid 12, hal. 567.

⁸ Joyce M. Hawkins (1986), *The Oxford Reference Dictionary*. Oxford: Clarendon Press, hal. 772.

perbuatan yang keji⁹. Makna yang hampir sama juga dinyatakan di dalam *Dictionary of Moral Theology* yang menyatakan dosa merupakan pelanggaran undang-undang Tuhan yang terjadi kerana pemikiran, perkataan dan perbuatan atau pengabaian¹⁰.

Di dalam agama Kristian, dosa secara umumnya didefinisikan sebagai sebarang pemikiran, perkataan ataupun perbuatan yang bertentangan dengan peraturan Tuhan¹¹. Ataupun apa-apa perkataan, pemikiran atau perbuatan yang dilakukan secara sengaja dan sedar yang mana ianya diketahui bertentangan dengan kehendak Tuhan¹². Oleh itu perbuatan dosa adalah merupakan suatu bentuk perbuatan manusia yang seolah-olah menolak cinta dan kasih sayang Tuhan yang memang mengasihi manusia¹³.

Daripada pengertian-pengertian dan definisi-definisi dosa di dalam agama Kristian di atas dapatlah dirumuskan bahawa dosa itu didefinisikan sebagai sebarang bentuk pemikiran, perkataan ataupun perbuatan yang bertentangan dengan peraturan Tuhan. Definisi tersebut sama dengan apa yang

⁹ Lewis Mulford Adams (1953), *Websters Unified Dictionary and Encyclopedia*. Kanada: H.S. Stuttman Co., hal. 3093.

¹⁰ Francesco Cardinal Roberti (1962), *Dictionary of Moral Theology*. London: Burns & Oates, hal. 1134.

¹¹ William E. Addis and Thomas Arnold (1957), *A Catholic Dictionary*. London: Routledge & Kegan Paul Limited, Broadway House, hal. 76.

¹² George H. Demetrikopoulos (1964), *Dictionary of Orthodox Theology: A Summary of the Beliefs, Practise an History of the Eastern Orthodox Church*. New York: Philosophical Library, hal. 163.

¹³ Josep A. Galdon (1991), *The Mustard Seed Reflections for Daily Living*. Manila: The Bookmark Inc., hal. 196.

diberikan oleh St. Augustine¹⁴ sebagaimana yang dinyatakan oleh William E. Addis dan Thomas Arnold di dalam bukunya *A Catholic Dictionary* iaitu dosa didefinisikan sebagai sebarang bentuk pemikiran, perkataan ataupun perbuatan yang bertentangan dengan peraturan Tuhan¹⁵. Secara umumnya definisi yang diberikan oleh St. Augustine menjadi landasan kepada para teologi Kristian di dalam memberikan pengertian dan definisi tentang dosa. Oleh itu, doktrin dosa warisan dalam agama Kristian adalah berdasarkan pandangan St. Augustine seorang teologi bermazhab Roman Katholik. Justeru, doktrin dosa warisan menurut mazhab Roman Katholik ini dijadikan titik tolak kepada perlaksanaan doktrin-doktrin yang lain dan akan dibincangkan selanjutnya.

Dari segi pembahagian dosa pula, ianya terbahagi kepada beberapa bahagian dan jenis. Secara umumnya menurut mazhab Roman Katholik terdapat dua jenis dosa iaitu *mortal sin (capital sins)* atau dosa besar dan *venial sin* atau dosa kecil¹⁶ yang mana keduanya merupakan *actual sin*¹⁷. *Mortal sin* adalah sebarang bentuk kesalahan besar yang bertentangan dengan aturan Tuhan dan ianya dinamakan sedemikian rupa kerana kesannya yang boleh membunuh jiwa manusia yang membawa kepada balasan buruk yang kekal abadi kepada pelakunya¹⁸. *Mortal sin* boleh dibahagikan kepada tujuh

¹⁴ Saint Augustine merupakan ahli akidah dan falsafah agama Kristian yang hidup di abad ke-3M dan ke-4M. Biodata mengenai dirinya akan diperbincangkan *infra* bab ini hal. 211-212.

¹⁵ William E. Addis and Thomas Arnold (1957), *A Catholic Dictionary*, hal. 761.

¹⁶ George H. Demetrikopoulos (1964), *Dictionary of Orthodox Theology*, hal. 164.

¹⁷ _____ (1970), *Chamber's Encyclopedia*, jilid 12, hal. 567.

¹⁸ Loraine Boettner (1962), *Roman Catholicism*, hal. 199.

jenis yang disebut juga sebagai *seven deadly sins*. Dosa yang dimaksudkan ialah *pride* atau bermegah-megah, *avarise* atau tamak haloba, *lust* atau mengikut hawa nafsu, *anger* atau marah, *gluttony* atau lahap, *envy* atau dengki dan *sloth* atau malas¹⁹ yang mana kesemuanya adalah berkaitan dengan hati dan sikap individu. Manakala dosa kecil ialah dosa yang boleh diampunkan tetapi jikalau ianya dilakukan berterusan akan menjadi dosa besar juga. Dari segi hukuman pula, pesalah dosa besar akan dimasukkan ke dalam neraka jika mereka mati sebelum sempat bertaubat dan walaupun sempat bertaubat seseorang itu akan tetap menjalani hukuman di alam *purgatory* jika masih terdapat dosa-dosa yang tertinggal untuk diampunkan. Manakala pelaku dosa kecil akan mengalami penderitaan dan kesengsaraan yang biasanya dialami semasa hidup di dunia. Seseorang yang melakukan dosa besar juga akan semakin jauh daripada rahmat Tuhan dan bagi yang melakukan dosa kecil pula akan menjadi semakin kurang semangatnya ataupun *diminution of fervor*²⁰. Namun demikian, kebanyakan daripada pihak gereja selain Roman Katholik menolak bentuk pengasingan hukuman tersebut²¹.

Selain daripada *mortal* dan *venial sin*, terdapat pelbagai jenis dosa lain dan di antaranya termasuklah dosa warisan atau *original sin* yang merupakan perkara akidah di dalam agama Kristian khususnya dalam mazhab Roman Katholik. Namun begitu terdapat juga jenis-jenis lain seperti *formal sin*,

¹⁹ Francesco Cardinal Roberti (1962), *Dictionary of Moral Theology*, hal. 1135.

²⁰ *Ibid.*

²¹ William D. Halsey (1962), *Collier's Encyclopedia*. U.S.A: The Crowell-Collier Publishing Company, jilid 21, hal. 39.

*habitual sin, material sin, sin against the holy ghost, sin of omission, sin of others, sin by silence, sin of sodom dan sins crying to heaven*²².

Manakala istilah dosa warisan di dalam bahasa Inggeris disebut sebagai *origin sin*. Ada juga buku-buku lain yang menggunakan istilah *original sin* ataupun *inherited sin*. Perkataan *origin* sebagaimana yang diertikan ke dalam bahasa Melayu bererti asal, punca, keturunan berasal; manakala *original* pula bererti pertama atau mula-mula, asal, asli²³. Oleh itu *original sin* dari segi bahasanya boleh difahami sebagai dosa awalan ataupun dosa pertama, mula-mula, asal dan asli. Oleh itu ianya adalah dosa yang mula-mula sekali dilakukan oleh manusia.

Maksud dosa warisan yang dikehendaki di sini ialah dosa akibat keingkaran Adam dan Eve. Ianya dosa yang diwariskan kepada semua umat manusia. Akibat daripada dosa warisan ini manusia akan menjadi fana' dan mempunyai hawa nafsu²⁴. Dosa warisan sebelum era St. Augustine disebut dengan pelbagai nama yang hampir maknanya dengan dosa warisan iaitu *the old guilt, the ancient wound, the common curse* dan *the old sin*²⁵. Istilah-istilah tersebut hanya merujuk kepada dosa pertama yang dilakukan oleh Adam dan

²² Untuk keterangan lanjut mengenai jenis-jenis yang dinyatakan, sila rujuk Donald Attwater (1951), *The Catholic Encyclopaedia Dictionary*. London: Cassel and Company, Ltd., hal. 463-464.

²³ Dewan Bahasa dan Pustaka (1992), *Kamus Inggeris Melayu Dewan. An English-Malay Dictionary*, hal. 1081.

²⁴ Emil Brunner (1952), *The Christian Doctrine of Creation and Redemption. Dogmatics*. Philadelphia: The westminster Press, jilid 2, hal. 91.

²⁵ Walter Farquhar Hook (1852), *Church Dictionary*, hal. 450.

tidak mempunyai kaitan dengan pengertian dosa warisan ataupun dosa tersebut diwariskan kepada keturunan Adam dan Eve.

Teori dan maklumat mengenai dosa warisan dikatakan memang telah wujud di dalam *The Holy Bible*, tetapi ianya tidak dinyatakan dengan terang dan jelas. Maklumat mengenainya adalah di dalam bentuk cerita iaitu kisah turunnya Adam dari syurga sebagaimana yang diceritakan di dalam *The Old Testament (Genesis)*²⁶. Bukti yang lain pula adalah di dalam bentuk kenyataan yang umum dan tidak jelas menyatakan kedudukan dosa tersebut sebagai dosa warisan. Kenyataan yang diberi hanyalah menunjukkan dosa diperolehi semasa dalam kandungan ibu dan sewaktu kecil tetapi tidak menunjukkan cara ianya diperolehi sama ada melalui pewarisan atau dalam bentuk lain. *Psalm 51:5* menyatakan:

"Surely I was sinful at birth, sinful from the time my mother conceived me."

Selain daripada kedua-dua keterangan yang dipetik daripada *The Old Testament*, terdapat juga keterangan lain daripada *The New Testament* dan ianya merupakan bukti utama yang digunakan oleh St. Augustine di dalam proses beliau mencipta dan mengasaskan doktrin dosa warisan ataupun *the doctrine of original sin*. Antara lainnya menyatakan tentang kedatangan dosa ke dunia, hukuman daripada dosa yang dilakukan oleh Adam ialah kematian

²⁶ Lihat *The Old Testament (Genesis 3:1-24)*

dan tujuan kematian Jesus Christ adalah kerana dosa sekalian manusia.

Romans 5:12-21 menyatakan:

"Therefore, just as sin entered the world through one man, and death through sin, and in this way death came to all men, because all sinned - for before the law was given, sin was in the world. But sin is not taken into account when there is no law. Nevertheless, death reigned from the time of Adam to the time of Moses, even over those who did not sin by breaking a command, as did Adam, who was a pattern of the one to come. But the gift is not like the trespass. For if the many died by the trespass of the one man, how much more did God's grace and the gift that came by the grace of the one man, Jesus Christ, overflow to the many! Again, the gift of God is not like the result of the one man's sin: The judgement followed one sin and brought condemnation, but the gift followed many trespasses and brought justification. For if by the trespass of the one man, death reigned through that one man, how much more will those who receive God's abundant provision of grace and of the gift of righteousness reign in life through the one man, Jesus Christ. Consequently, just as the result of one trespass was a condemnation for all men, so was justification that brings life for all men. For just as through the disobedience of the one man the many were made sinners, so also through the obedience of the one man the many will be made righteous. The law was added so that the trespass might increase. But where sin increased, grace increased all the more, so that, just as sin reigned in the death, so also grace might reign through righteousness to bring eternal life through Jesus Christ our Lord."

Walaupun dosa warisan dikatakan telah wujud bersama wujudnya kesalahan pertama yang dilakukan oleh Adam dan Eve, namun demikian ianya masih dianggap sesuatu yang asing di dalam pemikiran ahli teologi²⁷ sebelum St. Augustine. Walaupun perkara mengenainya telah disentuh sedikit oleh

²⁷ Walter Farquhar Hook (1852), *Church Dictionary*, hal. 103.

Tertullian (160M-200M)²⁸, ia tetap tidak memberi sebarang implikasi terhadap kepercayaan agama. Semasa era St. Augustine, teori tersebut telah dijadikan asas akidah di dalam agama Kristian oleh St. Augustine. Oleh itu St. Augustine dikatakan sebagai penyusun, pembangun dan pengasas kepada doktrin dosa warisan yang diperkenalkan oleh St. Paul dan ianya telah diterima pakai oleh masyarakat Kristian kini khususnya Roman Katholik sebagai perkara asas dan akidah di dalam agama.

2. Konsep Dosa dan Dosa Warisan

Terdapat dua sudut pandangan asas tentang dosa iaitu pandangan dari sudut moral dan ahli teologi. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Francesco Cardinal Roberti di dalam *Dictionary of Moral Theology* bahawa dosa dari sudut pandangan ahli teologi ada dua jenis dosa yang utama sebagaimana yang dijelaskan di atas iaitu *mortal sin* dan *venial sin*. Manakala dari sudut moral pula dosa adalah sesuatu yang berdasarkan kepada struktur etika tertentu daripada tingkahlaku atau perbuatan yang berdosa yang bersumberkan perasaan dendki yang terkandung di dalam tindakan yang dilakukan. Atau dengan erti kata lain, dosa itu adalah suatu tindakan yang bertentangan dengan sesuatu perkara yang baik²⁹.

²⁸ Nama sebenar Tertullian ialah Quintus Septimius Florens Tertullianus. Dikenali juga dengan Tertullian of Carthage. Hidup di antara tahun 160M-200M. Edward Peters (1980), *Heresy and Authority in Medieval Europe*. London: Scolar Press, hal. 29.

²⁹ Francesco Cardinal Roberti (1962), *Dictionary of Moral Theology*, hal. 1136.

Dosa di dalam agama Kristian sebagaimana yang difahami daripada Bible bukanlah merupakan suatu perkara yang bersifat moral (iaitu dilihat dari segi kesalahan si pelaku dan kesalahan-kesalahan di dalam masyarakat) tetapi penekanan yang diberi ataupun tumpuan adalah lebih berbentuk taubat terhadap dosa yang dilakukan untuk menuju kepada cahaya ketuhanan³⁰ yang mana ianya lebih bersifat akidah. Atau dengan lain perkataan, perkara yang dilihat bukanlah kepada orang yang melakukan dosa tetapi keperluan taubat bagi orang yang melakukan dosa. Oleh itu manusia yang tidak bertaubat akan sentiasa mendapat hukuman daripada Tuhan hasil daripada perbuatan dosa yang mereka lakukan. Perbuatan jahat yang dilakukan oleh manusia pula, adalah disebabkan oleh dosa yang ditanggung oleh manusia sejak kecil lagi. Perkara ini adalah jelas berdasarkan kata-kata David yang dipetik daripada *Psalm* ataupun doa-doa David ketika memohon keampunan daripada Tuhan sebagaimana yang dinyatakan di dalam ***Psalm 51:1-7***:

"Have mercy on me, O God, according to your unfailing love; according to your great compassion blot out my transgressions. Wash away all my iniquity and cleanse me from my sin. For I know my transgressions, and my sin is always before me. Against you, you only have I sinned and done what is evil in your sight so that you are proved right when you speak and justified when you judge. Surely I was sinful at birth, sinful from the time my mother conceived me. Surely you desire truth in the inner parts (meaning of the Hebrew for this phrase is uncertain); you teach (or you desired.../you taught) me wisdom in the inmost place. Cleanse me with hyssop, and I will be clean; wash me, and I will be whiter than snow."

³⁰ Emil Brunner (1952), *The Christian Doctrine*, hal. 89.

Melalui pengakuan David di atas dapatlah difahami bahawa kesalahan dan dosa dirinya bukan sahaja disebabkan oleh dosa yang dilakukannya, malahan ianya telah berlaku semasa beliau di dalam kandungan ibunya lagi.

Justeru, masyarakat Kristian melihat dosa dari pelbagai sudut. Mereka melihat dosa sebagai suatu pemberontakan atau penentangan (*rebellion*) manusia terhadap Tuhan³¹. Oleh itu, jika dilihat sejarah Adam, dosa yang dilakukannya adalah merupakan suatu pelanggaran dan penentangan terhadap perintah dan larangan Tuhan yang melarang beliau mendekati dan memakan buah daripada pohon larangan. Begitu juga bagi anak-anak Adam, dosa adalah suatu cara untuk menunjukkan pemberontakan jiwa dan diri terhadap Tuhan. Ini kerana wujudnya sifat ego di dalam diri manusia selain daripada perasaan pentingkan diri sendiri³². Keadaan mereka ini adalah seperti menjauhkan diri daripada Tuhan ataupun *falling-away from God*³³.

Agama Kristian juga melihat dosa sebagai suatu keadaan meninggalkan agama (murtad) atau *apostasy*³⁴. Manusia yang melakukan dosa dilihat sebagai cuba untuk membebaskan diri daripada Tuhan kerana ingin menjadi bebas tanpa adanya kawalan dan undang-undang ketuhanan dan sebaliknya ingin berada di kedudukan yang sama dengan Tuhan. Oleh itu

³¹ Lihat *The New Testament*, (*Romans 8:7*) dan (*1 Timothy 2: 13-14*).

³² B. H. Streeter, et.al., (1912), *Foundations: A Statement of Christian Belief in Terms of Modern Thought*. London: Macmillan and Co., Limited, hal. 278.

³³ Emil Brunner (1952), *The Christian Doctrine*, hal. 91.

³⁴ *Ibid.*

mereka ini bolehlah diumpamakan seperti seorang anak yang meminta kebenaran daripada keluarganya untuk hidup sendirian kerana ingin merasai kebebasan tanpa perlunya kawalan ibubapa.

Penganut Kristian juga melihat dosa itu sebagai suatu *total act* ataupun tindakan keseluruhan³⁵. Apa yang dimaksudkan dengan *total act* di sini ialah manusia yang melakukan dosa dianggap orang yang ingin membebaskan diri mereka daripada Tuhan. Selain daripada itu dosa juga akan menjadi tanggungan seluruh tubuh badan manusia dari jasmaninya hingga hal rohaninya. Sebagai contohnya tanggungan manusia dengan dosa warisan. Kesan daripada dosa juga Tuhan menjauahkan diri-Nya daripada manusia secara keseluruhannya dan manusia tidak berjaya mencapai cahaya ketuhanan.

Selain daripada itu, dosa juga dilihat sebagai suatu yang berbentuk universal³⁶. Ini kerana semua manusia tidak dapat lari daripada dosa. Dan semua manusia akan menanggung dosa tidak kira masih kanak-kanak ataupun orang dewasa. Penebusan dosa warisan yang dilakukan oleh Jesus Christ juga adalah satu bentuk penebusan universal kerana menebus dosa warisan sekalian manusia.

Berdasarkan penjelasan-penjelasan terdahulu, kajian ini mendapati bahawa di dalam agama Kristian, dosa adalah sesuatu yang begitu subjektif

³⁵ *Ibid.*

³⁶ *Ibid.*

sifatnya. Perbincangan mengenainya tidak terhenti setakat luaran sahaja malahan hingga ke isinya. Kemunculan dosa di dunia telah menyebabkan manusia terpaksa menangung pelbagai penderitaan dan membuatkan Jesus Christ mengorbankan dirinya di tiang salib. Peranan Jesus Christ yang besar di dalam menghapuskan dosa manusia telah meletakkan beliau diberi gelaran sebagai *the man of sin*³⁷ ataupun manusia dosa. Menurut Kristian, peristiwa turunnya Adam ke bumi adalah permulaan kepada wujudnya dosa di dunia ini, walaupun punca sebenar dosa bukan berasal daripada Adam. Ini kerana walaupun Adam tidak diwujudkan, dosa itu akan tetap ada kerana kejahatan atau *evil* itu telah wujud sebelum Adam °a.s lagi. Hal ini dapat dilihat melalui peranan *serpent* yang telah wujud terlebih dahulu daripada Adam dan Eve yang bertindak mempengaruhi Eve memakan buah larangan³⁸ supaya beliau melanggar perintah Tuhan; sedangkan pada masa itu Adam dan Eve berada di dalam kawasan yang dipenuhi dengan keamanan dan kerahmatan iaitu Eden. Adam hanya merupakan orang yang pertama melakukan dosa sahaja dan akibatnya beliau telah dipertanggungjawabkan daripada dosa yang dilakukannya melalui hukuman turunnya dosa dan kematian ke dunia bersama-sama turunnya Adam ke dunia³⁹. Di dalam *The Old Testament*, dosa digambarkan sebagai faktor hubungan yang berterusan antara Tuhan, manusia dan dunia kesan daripada pelanggaran pertama yang dilakukan oleh Adam dan

³⁷ Karl Barth (1958), *Church Dogmatics*. Edinburgh: T.&T. Clark, jilid 4, hal. 378.

³⁸ Lihat *The Old Testament (Genesis 3:1-7)*

³⁹ *Supra* bab 2 hal. 115

Eve di dalam syurga⁴⁰. Dosa yang dilakukan oleh Adam adalah merupakan dosa prototaip⁴¹ ataupun dosa model pertama yang muncul sebelum ianya berkembang menjadi model yang dituruti ramai. Atau dengan kata lain, dosa pertama yang dilakukan oleh Adam akan diwariskan kepada generasinya yang akan datang dan dosa Adam tersebut akan menjadi ibu segala dosa ataupun model pertama dosa kepada dosa-dosa lain yang akan lahir.

Menurut pandangan Kristian, anak-anak Adam yang melakukan dosa tidak sama keadaannya sebagaimana yang dihadapi oleh Adam. Adam yang melakukan dosa telah dikeluarkan oleh Tuhan daripada Eden dan Adam dihumbangkan ke dunia daripada syurga tetapi anak-anak Adam yang melakukan dosa pula akan menyebabkan jatuhnya nila-nilai kemanusiaan di dalam diri manusia. Jika dilihat lebih tuntas, dosa itu bukanlah suatu permulaan kepada manusia untuk mendekatkan diri kepada Tuhan tetapi merupakan suatu *turning-away* kerana menjauahkan diri daripada Tuhan. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Emil Brunner di dalam bukunya *The Christian Doctrine of Creation and Redemption. Dogmatics*, bahawa orang yang melakukan dosa itu adalah:⁴²

"You have fallen away, you have strayed, you have been unfaithful. You have forsaken God; you have broken the Covenant, you have left Him for other gods. You have turned your backs upon Him."

⁴⁰ F.L. Cross (1958), *The Oxford Dictionary of the Christian Church*. London: Oxford University Press, hal. 1259.

⁴¹ TP (1970), *Chamber's Encyclopedia*, hal. 567.

⁴² Emil Brunner (1952), *The Christian Doctrine*, hal. 91.

Kecenderungan manusia melakukan dosa disebabkan wujudnya keburukan dan kejahatan di dunia. Oleh itu manusia sentiasa ingin melakukan keburukan dan kejahatan kerana terpengaruh dengan nilai-nilai keburukan dan kejahatan yang terdapat di sekelilingnya dan juga dalam dirinya. Oleh itu, keburukan dan kejahatan memainkan peranan yang penting di dalam membentuk hubungan manusia dengan Tuhan. Ini kerana seseorang yang melakukan keburukan dan kejahatan adalah seorang yang berdosa dan seseorang yang berdosa akan terputuslah hubungan mereka dengan Tuhannya. Ia juga tidak akan mendapat rahmat atau *grace* daripada Tuhan. Maka dosa kepada manusia adalah seperti tempat tujuannya ataupun disebut sebagai *the divine destiny of man*⁴³ ataupun dengan kata lain manusia akan menjadi hamba kepada dosanya sendiri akibat daripada perbuatan buruk dan jahat yang telah membuatkan dirinya jauh daripada rahmat Tuhan. Ianya seolah-olah menunjukkan tempat tujuan hidup manusia adalah kepada dosa dan bukannya kepada Tuhan lantaran daripada keburukan dan kejahatan yang telah dilakukan oleh diri mereka telah menyebabkannya jauh daripada rahmat Tuhan.

Menurut kepercayaan agama Kristian, dosa tidak sahaja dilihat dari aspek keagamaan semata tetapi turut diperincangkan daripada sudut etika iaitu melakukan kesalahan dan perbuatan yang bertentangan dengan perkara-perkara yang dianggap baik di dalam masyarakat mahupun agama. Umpamanya, dosa *sodomis* yang dilihat sebagai dosa kerana menentang

⁴³ *Ibid.*, hal. 92.

peraturan Tuhan dan bertentangan dengan etika dan tabi'i manusia. Sebagai contoh, perlakuan hubungan sesama jenis sama ada homoseksual atau lesbian.

Melalui perbincangan di atas dapatlah difahami dengan lebih jelas tentang konsep umum dosa di dalam agama Kristian yang mempunyai perkaitan yang rapat dengan dosa warisan. Walaupun demikian perkara pokok yang hendak dilihat ialah dosa warisan yang merupakan tunjang akidah di dalam agama Kristian dan khususnya Roman Katholik.

Dosa warisan merupakan kerosakan ataupun kehinaan dalaman yang menjadi lumrah bagi semua manusia⁴⁴ kesan daripada kehinaan yang diperolehi Adam kerana dihumban keluar daripada Eden akibat kesalahannya melanggar perintah larangan Tuhan. Ianya adalah suatu konsep akidah yang dianggap sebagai suatu kerosakan dalaman dan mudahnya manusia terpengaruh dengan kejahanan hasil daripada serongnya moral Adam⁴⁵. Masyarakat Kristian khususnya Roman Katholik meletakkan dosa warisan adalah dosa Adam yang mewujudkan kematian dan merubah keadaan asal manusia yang baik menjadi cenderung untuk melakukan kejahanan⁴⁶. Oleh itu kematian dan kecenderungan melakukan dosa dalam setiap diri individu adalah diwarisi daripada Adam. Secara mudah dapat dikatakan bahawa jika Adam tidak melakukan dosa, maka beliau akan tinggal kekal di dalam syurga.

⁴⁴ Joyce M. Hawkins (1986), *The Oxford Reference Dictionary*, hal. 594.

⁴⁵ Lewis Mulford Adams (1953), *Websters Unified Dictionary*, hal. 3093.

⁴⁶ Walter Farquhar Hook (1852), *Church Dictionary*, hal. 449.

Jika beliau kekal di dalam syurga, maka dosa dan kematian tidak akan memasuki dunia dan manusia tidak akan mewarisinya. Dengan demikian, peristiwa turunnya Adam ke dunia memperlihatkan gambaran tentang diri manusia di dunia dari segi keupayaannya, kecenderungannya dan kelemahannya⁴⁷ di dalam menjalani kehidupan sehari-hari di dunia. Justeru, dosa warisan hasil daripada dosa yang dilakukan oleh Adam tidak boleh dianggap dosa akibat salah laku ataupun *actual sin* mahupun dosa peribadi. Dosa tersebut lebih merujuk kepada perangai ataupun kecenderungan orang yang berdosa yang perlu dikongsi oleh setiap individu sepertimana manusia berkongsi keadaan semulajadi mereka dari segi fizikal mahupun mental. Dosa tersebut telah mengurangkan anugerah rahmat daripada Tuhan yang asalnya telah dianugerahkan kepada manusia melalui Adam dan Eve. Untuk tujuan tersebut iaitu mengembalikan semula rahmat Tuhan yang telah hilang itu, Tuhan telah menjelma di dalam diri manusia⁴⁸ ataupun menitiskan zat-Nya di dalam diri Jesus Christ semata-mata untuk menebus dosa warisan melalui kematian di tiang salib.

Berdasarkan penjelasan tersebut memperlihatkan bahawa doktrin dosa warisan merupakan kombinasi dua perkara iaitu yang pertamanya, tanggapan mengenai dosa yang dianggap sebagai suatu kuasa yang dominan ataupun *dominant force* dan yang keduanya semua manusia dihubungkan dengan

⁴⁷ J. R. Lucas (1976), *Freedom and Grace*. Michigan: William b. Eerdmans Publishing Company Grand Rapids, hal., 42.

⁴⁸ _____ (1970), *Chamber's Encyclopedia*, hal. 567.

perpaduan dosa ataupun *solidarity of sin*. Ataupun dengan kata lain dosa Adam dipindahkan kepada semua manusia melalui cara pembiakan melalui hubungan seksual dan pewarisan dosa wujud kerana adanya perkaitan antara dosa dengan hubungan seksual. Tambahan pula, kualiti diri seseorang itu diwarisi daripada kedua ibubapa mereka⁴⁹ iaitu ibubapa yang berdosa seperti Adam dan Eve tidak mungkin dapat melahirkan anak yang suci. Justeru, dosa warisan yang diperolehi oleh seseorang anak diambil hasil turunan daripada ayah ke anak secara berterusan⁵⁰. Hal ini disebabkan oleh rohani dan jasmani seseorang ayah itu telah dijangkiti oleh dosa warisan. Oleh kerana rohani dan jasmani telah rosak, maka manusia akan mudah melakukan dosa. Manusia juga menjadi buta untuk melihat kebenaran dan dengan mudah menolak kebenaran. Bagi manusia, kejahatan itu adalah perhiasan atau *adventitous ornament*⁵¹ di dalam diri mereka. Mereka akan sentiasa melakukan penentangan dan perkara-perkara yang berlawanan dengan kehendak Tuhan dan turut menolak jalan keimanan dan kecintaan Tuhan⁵².

Selain kenyataan-kenyataan di dalam *The Old Testament* dan *The New Testament*, idea dan konsep doktrin dosa warisan ini turut didasarkan kepada *Epistle of Paul* dan di antaranya ialah:

- i. kesan utama daripada dosa ialah kematian⁵³.

⁴⁹ Emil Brunner (1952), *The Christian Doctrine*, hal. 103.

⁵⁰ Walter Farquhar Hook (1852), *Church Dictionary*, hal. 450.

⁵¹ *Ibid.*, hal. 449.

⁵² James Hastings (1920), *Encyclopedia of Religion and Ethics*, jilid 11, hal. 541.

⁵³ Lihat *The New Testament (Romans 5:12)* dan (*1 Corinthians 15:21*).

- ii. manusia bersifat tidak kekal (mati) akibat daripada dosa pertama yang dilakukan oleh Adam. Manakala dosa dan kematian diwariskan kepada keturunan Adam melalui kecenderungan manusia melakukan dosa⁵⁴. Kecenderungan tersebut sebagaimana yang dinyatakan oleh John Hick di dalam bukunya *Evil and the God of Love* diperolehi kerana ianya sebahagian daripada warisan psiko-fizikal manusia ataupun *psycho-physical make-up*⁵⁵.
- iii. kesalahan manusia melakukan dosa atau *actual sin* adalah kesan daripada sifat kecenderungan melakukan dosa yang diwarisinya⁵⁶ daripada perlakuan Adam.
- iv. oleh kerana dosa dan kematian datangnya daripada seorang manusia iaitu Adam, maka semestinya akan dihapuskan oleh seorang manusia juga iaitu Jesus Christ⁵⁷.
- v. roh dianggap sama seperti manusia. Justeru roh atau *spirit* juga cenderung melakukan kejahatan⁵⁸. Kelazimannya ditujukan kepada syaitan.

Justeru, jika dilihat dengan lebih tuntas kebanyakan subjek perbincangan tentang dosa warisan tidak lari daripada dikaitkan dengan

⁵⁴ Lihat *The New Testament (Romans 5:18-19)*.

⁵⁵ John Hick (1985), *Evil and the God of Love*. London: The Macmillan Press Ltd., hal., 206.

⁵⁶ Lihat *The New Testament (Romans 5:20 & 7:7-12)*.

⁵⁷ Lihat *The New Testament (1 Corinthians 15:22)* dan *(Romans 5:15 & 17)*.

⁵⁸ Lihat *The New Testament (Ephesus 6:12)*.

perkara-perkara tersebut selain daripada kaitannya dengan *doctrine of atonement*.

Kajian ini mendapati bahawa agama Kristian khususnya mazhab Roman Katholik menggambarkan bagaimana manusia begitu layak menjadi makhluk yang sentiasa menanggung dosa dengan meletakkan label kepada manusia sebagai makhluk yang berhutang dengan Tuhan, orang yang bersalah dan tidak merdeka ataupun sentiasa berada di bawah kawalan Tuhan. Keadaannya adalah begitu berbeza jika dibandingkan dengan Tuhan sebagai Pencipta, Raja dan Hakim⁵⁹. Keadaan ini pastinya bertentangan dengan misi penciptaan manusia adalah untuk menjadi hamba dan khalifah yang bererti status manusia adalah mulia di sisi Tuhan. Namun perbandingan yang diberikan oleh Kristian dan khususnya mazhab Roman Katholik menonjolkan bahawa manusia penuh dengan kehinaan akibat perbuatan Adam. Ia hanya boleh disucikan melalui pengorbanan Jesus Christ. Ini sekaligus meletakkan bahawa manusia menurut kepercayaan agama Kristian dan khususnya Roman Katholik adalah selayaknya menanggung kesan perbuatan Adam dan Eve, bukannya makhluk Tuhan yang lain.

Sebagaimana yang diterangkan terdahulu daripada ini pada asasnya agama Kristian tidak begitu mengambil berat tentang hubungan antara Tuhan dengan manusia yang didasari oleh doktrin dosa. Ini kerana Jesus Christ tidak

⁵⁹ James Hastings (1920), *Encyclopedia of Religion and Ethics*, jilid 11, hal. 538.

menjelaskannya dengan terperinci. Secara umum hanya dinyatakan seandainya manusia melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan kehendak Tuhan mereka akan berdosa. Selepas "ketiadaan" Jesus Christ barulah perkara tersebut dibincangkan dengan lebih meluas dan ianya telah menjadi perkara utama di dalam akidah agama Kristian dengan meletakkan dosa warisan sebagai tunjang di dalam perhubungan manusia dengan Tuhannya. Oleh itu, di dalam agama Kristian, Tuhan merasakan bahawa Ia wajib mendekatkan diri-Nya dengan manusia. Justeru, Tuhan mengutuskan anak-Nya menjadi *scapegoat* sebagai salah satu cara untuk memperbaiki hubungan manusia dengan Tuhan yang menjadi renggang sejak zaman Adam lagi. Untuk tujuan tersebut, Tuhan telah mengutuskan satu-satunya anak tunggal-Nya untuk membaiki hubungan-Nya dengan manusia. Kepercayaan seumpama ini dikenali sebagai *The Doctrine of Reconciliation* ataupun Doktrin Perdamaian. Melihat betapa pentingnya perdamaian antara Tuhan dan manusia mendorong Richard Swinburne di dalam bukunya ***Faith and Reason*** memasukkan istilah perdamaian di dalam penerangannya tentang agama. Menurut beliau⁶⁰:

The first good purpose for a man to pursue a religious way is that suggested by my definition of a religion to achieve his own salvation. A man seeks to understand the world, to acquire forgiveness from God and reconciliation to him, guidance on the most worthwhile way to live, and an opportunity so to live, and a continuation and deepening of this well-being in a happy after-life."

Berdasarkan petikan di atas, didapati bahawa secara prinsipnya di dalam agama Kristian, seseorang yang memasuki syurga itu adalah seseorang

⁶⁰ Richard Swinburne (1981), ***Faith and Reason***. New York: Oxford At The Clarendon Press, hal 130.

yang mengecapi kegembiraan hasil perdamaian di dalam perhubungannya dengan Tuhan dan begitulah sebaliknya. Ini kerana mereka telah diselamatkan melalui penyucian daripada dosa warisan dan pengampunan terhadap dosa-dosa lain yang telah dilakukannya.

Namun, atas sifat kasih sayang-Nya Tuhan telah mengurniakan Jesus Christ sebagai penebus dosa untuk mempastikan setiap individu manusia dapat mengecapi kebahagiaan melalui perdamaian dengan Tuhan. Perdamaian ini hanya dapat dilaksanakan melalui pensalibian Jesus Christ. Justeru manusia yang berdosa dapat berhubungan dengan Tuhan yang suci atas dasar kasih sayang Jesus Christ yang dicernakan melalui pengorbanan yang sentiasa dirahmati oleh *Ruh al-Quds* ataupun *The Holy Spirit*. Bertitiktolak daripada doktrin dosa warisan ini melahirkan konsep kepercayaan kepada triniti iaitu kasih sayang Tuhan dicernakan melalui pengorbanan Jesus Christ dengan naungan *The Holy Spirit* atau *Ruh al-Quds*. Ini bererti doktrin dosa warisan ini adalah tunjang kepada akidah dan perlaksanaan doktrin-doktrin dan *sacrament* suci agama Kristian khususnya di dalam mazhab Roman Katholik.

Perkara ini adalah amat jauh berbeza dengan sifat Tuhan yang sempurna yang sewajarnya berkuasa mengampuni hamba-hamba-Nya tanpa memerlukan kepada yang lain untuk berbuat demikian. Pastinya sifat Kasih Sayang dan Penyayang Tuhan lebih terserlah berbanding usaha 'yang lain' untuk menonjolkan sifat kasih sayang tersebut.

3. Pandangan Mazhab-mazhab Utama Agama Kristian Terhadap Dosa dan Dosa Warisan.

Dalam usaha untuk memahami lebih terperinci konsep dosa dan dosa warisan ini, pandangan mazhab-mazhab utama iaitu secara kronologi Orthodoks, Roman Katholik dan Protestant dalam agama Kristian turut diperbincangkan. Ini kerana terdapat perbezaan pendapat di kalangan mazhab terhadap konsep dosa dan dosa warisan. Apatah lagi di antara mazhab-mazhab agama Kristian, mazhab Roman Katholik paling dominan dan menonjol perbahasannya tentang konsep dosa dan dosa warisan. Kepercayaan mazhab ini juga telah dijadikan sebagai tunjang kepada perlaksanaan doktrin dosa warisan dan praktikal-praktikal keagamaan Kristian. Perkara ini penting dilihat untuk memahami kedudukan mazhab Roman Katholik dan mazhab-mazhab lain dalam mendominasikan agama Kristian khususnya dalam persoalan dosa warisan.

a. Orthodoks

Orthodoks merupakan salah satu mazhab Kristian yang utama selain daripada Roman Katholik dan Protestant. Di Malaysia, mazhab ini kurang popular berbanding dengan pengikut mazhab Roman Katholik dan Protestant. Mazhab Orthodoks kurang membicarakan tentang dosa warisan, berbanding dengan mazhab-mazhab lain di dalam agama Kristian terutamanya mazhab Roman Katholik. Dengan itu maklumat mengenai dosa warisan kurang diperolehi. Pandangan-pandangan mazhab ini juga kurang popular di dalam dunia Kristian moden berbanding pandangan-pandangan dari mazhab Roman

Katholik dan Protestant. Namun demikian, mazhab ini tetap mempercayai doktrin dosa warisan sebagai salah satu doktrin yang utama di dalam agama Kristian. Pada asasnya doktrin tersebut adalah sesuatu yang asing di dalam mazhab Orthodoks sebelum daripada akhir kurun ke-5M⁶¹.

Secara umumnya, dosa warisan merujuk kepada dosa pertama yang dilakukan oleh Adam dan mengakibatkan dosa dan kematian menjadi agenda utama di dunia. Menurut mazhab Orthodoks, dosa merupakan perkataan, pemikiran atau perbuatan yang dilakukan secara sedar dan melalui pelbagai pertimbangan dan sedia diketahui ianya adalah bertentangan dengan kehendak dan ketentuan Tuhan, tetapi tetap dilakukannya⁶². Berasaskan maksud tersebut memperlihatkan bahawa sesuatu perbuatan itu dikategorikan sebagai dosa apabila ianya bertentangan dengan apa yang telah ditentukan oleh Tuhan. Seseorang itu pula dianggap berdosa sekiranya ia mengetahui bahawa perbuatan tersebut adalah salah kerana bertentangan dengan kehendak Tuhan. Justeru, menurut pendapat Orthodoks, pengetahuan tentang dosa dan perbuatan-perbuatan dosa adalah penting sebelum seseorang Kristian itu boleh diletakkan sebagai berdosa.

⁶¹ James Hastings (1920), *Encyclopedia of Religion and Ethics*, jilid 11, hal. 539.

⁶² George H. Demetrikopoulos (1964), *Dictionary of Orthodox Theology*, hal.163.

Oleh kerana itu, seseorang yang hendak melakukan *Confession*⁶³, perlu mengenalpasti dosa-dosa yang mereka dilakukan. Untuk tujuan tersebut, individu ini perlu memahami dan mengetahui secara mendalam tentang dosa dan penyesalan diri yang sewajarnya. Penyesalan diri ini ataupun *examination of conscience* dilakukan pada setiap pagi⁶⁴ untuk menilai dosa-dosa yang telah dilakukan.

Mazhab Orthodoks melihat bahawa dosa warisan mempunyai kaitan dengan pemindahan dosa tersebut daripada Adam dan hasilnya telah membawa kepada sesuatu yang tidak sewajarnya manusia mengabaikan, mencuaikan dan melalaikan kuasa sosial dosa ataupun *the sosial power of sin*⁶⁵. Ini membawa maksud bahawa seseorang itu tidak akan melakukan sesuatu kesalahan jika bukan disebabkan oleh perasaan dan keruntuhan moral di dalam diri dan dianggap sebagai penderitaan yang berpunca kesan daripada kesalahan Adam dan Eve⁶⁶.

Berasaskan penjelasan tersebut, memperlihatkan dosa warisan di dalam mazhab Orthodoks adalah keingkaran yang dilakukan oleh Adam dan Eve dan dipindahkan kepada sekalian manusia. Kesan daripada perpindahan dosa

⁶³ *Confession* ataupun pengakuan dosa merupakan salah satu upacara yang penting di dalam agama Kristian terutamanya bagi mazhab Roman Katholik. Ianya merupakan suatu upacara *sacrament* pasca baptis di mana individu Kristian mengakui dosa-dosanya di hadapan paderi yang telah menerima anugerah untuk mengampunkan dosa-dosa manusia. William E. Addis and Thomas Arnold (1957), *A Catholic Dictionary*, hal. 207. Untuk keterangan lanjut *infra* bab ini hal. 254-263.

⁶⁴ *Ibid.*, hal. 83-84.

⁶⁵ James Hastings (1920), *Encyclopedia of Religion and Ethics*, jilid 11, hal. 540.

⁶⁶ *Ibid.*, hal. 539.

tersebut, manusia akan menemui ajalnya dan mempunyai hawa nafsu⁶⁷. Untuk merungkai dosa tersebut, mazhab ini mempercayai bahawa praktikal baptis⁶⁸ mampu membuatkan seseorang itu seperti lahir semula dengan keadaan yang bersih dan suci dan tidak seperti kelahiran yang pertama dipenuhi dengan dosa warisan.

b. Roman Katholik

Secara umumnya, perbahasan kepercayaan mazhab Roman Katholik mendominasikan kepercayaan mazhab-mazhab yang lain dalam agama Kristian. Justeru, setiap kepercayaan agama Kristian yang dipaparkan oleh setiap sarjana Barat, teologi Kristian dan sarjana Islam adalah paparan kepercayaan mazhab Roman Katholik. Secara tidak langsung dalam usaha kajian ini menjelaskan konsep dosa dan dosa warisan seperti yang telah dibahaskan terdahulu daripada ini adalah dipetik dan dinukilkhan daripada pandangan-pandangan mazhab Roman Katholik. Keseluruhan praktikal *sacrament* dan upacara suci serta ajaran gereja agama Kristian adalah diasaskan kepada kuasa Gereja Roman Katholik. Ini kerana kepimpinan gereja agama Kristian lebih dikuasai dan dipengaruhi oleh pemimpin-pemimpin

⁶⁷ George H. Demetrikopoulos (1964), *Dictionary of Orthodox Theology*, hal. 138-139.

⁶⁸ Baptis merupakan upacara yang paling utama di dalam agama Kristian dan diiktiraf oleh semua mazhab utama di dalam agama Kristian bahawa ianya wajib dilakukan oleh setiap pengikut agama Kristian untuk menghapus dosa warisan. Ianya merupakan upacara suci yang wajib diyakini dan dilaksanakan praktikalnya. Ia bukan sahaja merupakan suatu pengakuan sebagai anggota Kristian bahkan juga suatu simbol penebusan dosa dan penyucian diri. Lihat Mohammed Yusoff Hussain, et.al (1993), *Isu-isu dalam Usuluddin dan Falsafah. "Baptis dan Wuduk dalam Kristian dan Islam"*, hal. 269, 271 7 273 dan lihat juga Khadijah Mohd. Khambali, "Baptis, Wuduk dan Ghusl: Suatu Kajian Perbandingan". *Jurnal Syariah*, jilid 4, bil. 4, Jan. 1996, Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya, hal. 155. Perbahasan lanjut mengenai upacara baptis *infra* bab ini hal. 224-241.

bermazhab Roman Katholik. Apatah lagi pelopor-pelopor agama Kristian terdiri daripada pimpinan gereja Roman Katholik seperti St. Paul, St. Augustine, Pope Leo X, dan Tertullian. Namun, kajian ini memberikan sedikit ulasan secara ringkas tentang pandangan Roman Katholik mengenai dosa dan dosa warisan. Menurut mazhab Roman Katholik dosa terbahagi kepada dua jenis yang utama sebagaimana yang telah diperbincangkan dahulu.(hal. 183-184). St. Augustine merupakan pengasas kepada doktrin tersebut di dalam mazhab Roman Katholik khususnya dan agama Kristian umumnya. Justeru, perbincangan yang lebih tuntas dapat dilihat di bawah tajuk St. Augustine (hal. 211-215).

Secara ringkasnya dapat dirumuskan bahawa Persidangan Trent (1545M-1563M) (telah disentuh dalam bab 1) yang merupakan antara persidangan yang diiktiraf oleh agama Kristian mazhab Roman Katholik menetapkan bahawa kesalahan Adam dan Eve di Eden telah menyebabkan hilangnya kebenaran, mengakibatkan penderitaan kepada jasad dan roh, manusia memperhambakan diri ataupun *thraldom* kepada syaitan dan bertanggungjawab ke atas kemurkaan Tuhan. Oleh kerana itu, dosa warisan diwariskan daripada generasi ke generasi bukannya secara *imitation*. Ianya hanya terhapus melalui praktikal baptis. Namun, menurut mazhab Roman Katholik, hawa nafsu dan kecenderungan manusia melakukan dosa tetap kekal⁶⁹ walaupun selepas seseorang itu menjalani upacara baptis.

⁶⁹ James Hastings (1920), *Encyclopedia of Religion and Ethics*, jilid 11, hal. 562.

Persidangan Trent (1545M-1563M) yang telah diadakan itu juga telah menjelaskan kepada dunia Kristian tentang konsep doktrin dosa warisan di dalam agama Kristian mazhab Roman Katholik. Berdasarkan persidangan tersebut didapati mereka cuba menggariskan beberapa perkara asas tentang doktrin dosa warisan. Kajian ini mendapati lima perkara yang asas yang cuba digariskan sebagai konsep di dalam doktrin dosa warisan oleh Persidangan Trent (1545M-1563M) dan ianya dapat dirumuskan di bawah iaitu:

- i. akibat daripada perbuatan Adam dan Eve telah menyebabkan mereka berdua dicampak ke dunia dan secara tidak langsung dosa yang dilakukannya juga turut bersama-sama mereka berdua memasuki dunia. Justeru, mereka berdua telah menyebabkan hilangnya bentuk kebenaran dalam diri manusia sebagai makhluk yang bebas daripada dosa dan kejahanatan. Akibatnya manusia akan hanya melihat keburukan sahaja.
- ii. kesan yang diperolehi oleh manusia pula mengakibatkan roh dan jasadnya tidak suci dan seolah-olah mempunyai penyakit ingin selalu melakukan dosa.
- iii. akhirnya manusia dengan mudah memperhambakan dirinya kepada syaitan disebabkan bahagian dalaman diri telah rosak akibat daripada dosa warisan dan lemahnya benteng diri untuk menolak kejahanatan.
- iv. justeru Adam dan Eve merupakan insan yang bertanggungjawab menyebabkan kemurkaan Tuhan kepada generasi manusia kerana dosa yang telah dilakukannya dan kerana dosa tersebut diwariskan kepada keturunannya.

- v. dosa pertama Adam bukan sahaja membiak dan diwariskan malahan juga ianya merupakan bahan ikutan ataupun contoh (prototaip) kepada keturunannya untuk melakukan kejahatan dan dosa.

c. Protestant

Agama Kristian mazhab Protestant mempunyai pandangan tersendiri mengenai dosa dan dosa warisan. Lazimnya, pandangan mereka lebih kritikal dan liberal serta agak bertentangan dengan pandangan mazhab Orthodoks dan Roman Katholik. Walaupun dari segi konsepnya, Protestant turut mengakui bahawa semua manusia mewarisinya daripada dosa pertama yang dilakukan oleh Adam dan Eve, namun subjek perbincangan dan perselisihan tertumpu kepada definisi sebenar dosa warisan dan bagaimana ianya diwariskan kepada manusia. Menurut mazhab Protestant, perbicangan tentang dosa warisan adalah lebih dilihat kepada bentuk keagamaan dan keperibadian orang yang melakukan dosa. Ini bertepatan sebagaimana yang ditafsirkan oleh mereka iaitu dosa merupakan kehendak kepada keimanan, kegagalan untuk berasa takut, cinta dan percaya kepada Tuhan⁷⁰.

Pegangan mazhab Protestant diasaskan kepada kenyataan Bible. Dosa adalah suatu keingkaran, tidak percaya dan dengan angkuhnya memberontak dan menentang Tuhan. Atau dalam ertikata lain dosa adalah penentangan manusia terhadap hubungannya yang benar dengan Tuhan⁷¹.

⁷⁰ *Ibid.* hal. 540.

⁷¹ Emil Brunner (1952), *The Christian Doctrine*, hal. 115.

Di samping itu, mazhab Protestant turut meyakini bahawa golongan manusia adalah berdosa bersama-sama dengan kejahatan yang dikongsi bersamanya. Justeru, bagi mazhab Protestant, pewarisan dosa adalah bermakna manusia mewariskan atau menjangkitkan dosa kepada generasi seterusnya iaitu anak-anak mereka yang dilahirkan sebagaimana mereka mewarisi ataupun dijangkiti dosa warisan yang diturunkan oleh nenek moyang mereka⁷² iaitu Adam dan Eve. Dosa warisan bagi mereka bukan sahaja boleh diwariskan melalui pembiasaan, malahan boleh juga melalui asuhan-asuhan buruk, contoh teladan yang tidak baik dan percubaan-percubaan yang berbentuk provokasi ataupun hasutan. Oleh itu, mazhab Protestant mempercayai bahawa dosa warisan hanyalah merupakan elemen yang bertindak untuk melahirkan dosa-dosa lain yang dilakukan oleh manusia dan sekaligus menyebabkan manusia cenderung untuk melakukan dosa.

Setiap individu Kristian yang melakukan dosa adalah wajar dijatuhi hukuman mati. Selain daripada itu, mazhab Protestant turut menggariskan beberapa bentuk hukuman dan kesan yang bakal diperolehi oleh manusia yang melakukan dosa. Antaranya ialah, manusia akan kehilangan imej ketuhanan di dalam diri, mendapat penyakit dan kejahatan-kejahatan luaran sebagaimana manusia mendapat kehancuran atau *actual dissolution* dan pengecualian daripada hidup selama-lamanya dengan Tuhan⁷³.

⁷² James Hastings (1920), *Encyclopedia of Religion and Ethics*, jilid 11, hal. 540

⁷³ *Ibid.*

Kajian ini tidak akan memanjangkan pandangan mazhab Protestant mengenai dosa dan dosa warisan, kerana ianya banyak berpegang dan dipengaruhi oleh pandangan Luther yang merupakan pengasas mazhab Protestant dan St. Augustine yang merupakan pengasas doktrin dosa warisan. Perbincangan yang lebih lanjut mengenai dosa dan dosa warisan menurut mazhab ini dapat dilihat dalam bab ini di bawah tajuk Martin Luther (hal. 216-219) dan sebagai perbandingan melalui pandangan St. Augustine. (hal. 211-215).

Selain daripada pandangan mazhab-mazhab utama di dalam agama Kristian, penulis juga mengambil pandangan beberapa tokoh utama di dalam agama Kristian iaitu St. Augustine, Luther dan Pelagius. Pemilihan mereka adalah berdasarkan kepada beberapa kriteria iaitu St. Augustine telah diiktiraf sebagai pengasas doktrin dosa warisan, manakala Luther mewakili pandangan tokoh reformasi agama Kristian iaitu Protestant dan akhir sekali Pelagius sebagai penentang doktrin dosa warisan yang hidup sezaman dengan St. Augustine. Ini sekaligus dapat menonjolkan perbandingan kepercayaan terhadap doktrin dosa warisan di kalangan pemimpin-pemimpin dan pandangan mazhab-mazhab utama agama Kristian. Secara tidak langsung memberi gambaran bahawa wujud pertentangan pendapat terhadap doktrin dosa warisan. Ini turut memberi erti bahawa doktrin dosa warisan ini bukanlah ajaran asal Jesus Christ tetapi ajaran yang diperkenalkan oleh St. Paul hasil adunan daripada pelbagai unsur ajaran agama Pagan dan elemen falsafah agama lain sepetimana yang telah diperbincangkan dalam bab 2 yang lalu.

d. St. Augustine.

Lelaki kelahiran Algeria ini merupakan antara pengasas falsafah dan akidah agama Kristian yang utama. Dua buah buku tulisan beliau telah menjadi rujukan utama penganut agama Kristian iaitu *The City of God* dan *The Confession of Saint Augustine*. St. Augustine atau Augustine of Hippo yang dikenali juga Aurelius Augustinus dilahirkan pada tahun 354M di Tagaste, Algeria oleh pasangan Patricius dan Monica⁷⁴. Bapanya seorang penganut agama Pagan, manakala ibunya pula seorang penganut Kristian yang taat. Semasa remaja beliau pernah menuntut ilmu bahasa daripada seorang penganut agama Pagan yang taat iaitu Maximus of Madaura dalam tahun 369M⁷⁵. Beliau dibaptiskan menjadi seorang Kristian pada tahun 387M⁷⁶. Sejarah hidupnya yang panjang terutamanya di dalam bidang perundungan dan falsafah khususnya falsafah Platonisma telah memberinya pelbagai kelebihan untuk membina asas di dalam membina falsafah dan akidah agama Kristian. Oleh itu, kebanyakan daripada kenyataannya dikatakan terpengaruh dengan falsafah Neo-Platonisma⁷⁷ dan Aristotle⁷⁸ dengan keutamaan diberikan kepada Neo-Platonisma. Hal ini bersesuaian dengan apa yang diperkatakan oleh J.

⁷⁴ Mircea Eliade (1987), *The Encyclopedia of Religion*, hal. 520.

⁷⁵ W.H.C Frend (1988), *Archaeology and History in the Study of Early Christianity*. London: Variorum Reprint, hal. 137.

⁷⁶ Loc.cit, *The Encyclopedia of Religion*, hal. 521.

⁷⁷ Neo-Platonism muncul pada tahun 250M di Athens, Greece. Fahaman ini dikaitkan dengan Plotinus dan pengikutnya yang merupakan ahli pemikir ulung Greek yang terakhir. Beliau dan pengikutnya mempraktikkan semua bentuk pemikiran awal falsafah dan keagamaan ke dalam sistem mereka sendiri dan cuba untuk memberikan kaedah yang sistematik dan daya hidup yang baru kepada kepercayaan dan amalan agama Pagan. Paul Kevin Meagher, Daniel O'Brien, Sister Consuelo Marie Ahenn'e (1979), *Encyclopaedic Dictionary of Religion*, jilid F-N, hal. 2507-2508.

⁷⁸ Aristotle (384SM-322SM) merupakan seorang ahli falsafah Greek yang terkenal. *Ibid.*, hal. 25.

Danie'lou di dalam buku *Historical Theology* bahawa kemasukan St. Augustine ke dalam agama Kristian adalah lebih kepada kemasukannya ke dalam fahaman falsafah Neo-Platonisma berbanding agama Kristian. Ini kerana pemikiran beliau begitu kuat dipengaruhi oleh fahaman Neo-Platonisma yang dipegangnya sebelum beliau memeluk agama Kristian⁷⁹. Selain daripada ajaran dan idea St. Paul yang menjadi asas pandangannya, St. Augustine turut terpengaruh dengan aliran Manichaeisma⁸⁰ kerana, beliau adalah seorang penganut Manichaeisma sebelum dibaptiskan sebagai Kristian.

Pandangan beliau mengenai dosa dan dosa warisan boleh dilihat dengan lebih tuntas melalui buku karangan beliau yang terkenal iaitu *The City of God*⁸¹. Ini kerana buku tersebut hampir keseluruhannya membahaskan tentang dosa manusia dan permasalahan mengenai kecenderungan manusia melakukan dosa di samping perbahasan mengenai bagaimana caranya manusia perlu berusaha untuk menuju Kerajaan Tuhan. Walaupun penulisan bukunya dikatakan untuk menjawab kritikan dan tuduhan orang ramai tentang kejatuhan kota Rom kepada bangsa Goth disebabkan oleh agama Kristian⁸², namun perbahasan keseluruhan yang terdapat di dalam buku tersebut

⁷⁹ J. Danie'lou, et.al, (1969), *Historical Theology*. Victoria, Australia: Penguin Books, jilid 2, hal. 121.

⁸⁰ Muncul pada kurun ke-3 Masehi. Diasaskan oleh Mani (Manes, Manichaers). Golongan ini mengambil elemen-elemen daripada agama Buddha, Hindu, Yahudi dan Kristian untuk dimasukkan ke dalam pegangan mereka. Rasul-rasul mereka adalah Buddha, Zoroaster, Jesus Christ dan guru mereka ialah Mani. *Ibid*, hal. 2231.

⁸¹ Buku *The City of God* menjadi rujukan utama penulis untuk melihat dengan lebih tuntas pandang St. Augustine berkeraan dengan dosa dan dosa warisan di dalam agama Kristian.

⁸² Lewis M. Hopfe (1993), *Religions of the World*, hal. 363.

menggambarkan tentang idea dan pandangannya tentang doktrin dosa dan dosa warisan di dalam agama Kristian.

St. Augustine melihat kecenderungan manusia melakukan dosa adalah kerana kesilapan Adam dan Eve di peringkat awal lagi. Manusia bukan sahaja menjadi individu yang sentiasa melakukan dosa malahan juga akan sentiasa mewarisi dosa pertama yang dilakukan oleh Adam. Oleh itu St. Augustine membahagikan manusia kepada dua kelompok kehendak ataupun *two cities of desire* iaitu *men that live according to the flesh* dan *men that live according to the spirit*⁸³ ataupun *city of men* dan *city of God*. Kedua-dua golongan atau kategori ini akan mencapai kejayaan mengikut cara hidup yang diikuti. Manusia seperti Abel dan Cain adalah contoh bagi dua jenis *city* di atas⁸⁴ iaitu Cain mewakili golongan manusia ataupun unsur-unsur kemanusiaan kerana sentiasa melakukan dosa dan melanggar perintah Tuhan. Manakala Abel adalah gambaran unsur-unsur ketuhanan kerana ketaatannya dan kepatuhannya terhadap perintah Tuhan. Begitu juga perbandingannya antara Adam dan Jesus Christ. Adam adalah *city of men* kerana melakukan dosa dan menyebabkan manusia menderita serta merasai kematian. Manakala Jesus Christ adalah *city of God* kerana beliau menebus manusia daripada dosa dan kesalahan Adam.

⁸³ Saint Augustine (1972), *The City of God*. London: Everyman's Library, jilid 2, hal. 26.

⁸⁴ John A. Mourant (1964), *Introduction to the Philosophy of Saint Augustine*. Pennsylvania: The Pennsylvania State University Press, hal. 335.

Berasaskan keterangan tersebut, memperlihatkan kategori manusia telah dipecahkan oleh St. Augustine kepada dua kategori iaitu golongan manusia yang sentiasa mengikut jalan yang buruk atau *light of evil* dan manusia yang mengikut jalan Tuhan atau *light of God*. Adam adalah contoh yang buruk kerana mengikut kata-kata syaitan dan melakukan dosa, manakala Jesus Christ adalah contoh yang baik kerana beliau suci daripada dosa di samping tidak berjaya diperdaya dan digoda oleh syaitan⁸⁵. Pandangan tersebut diperjelaskan lagi melalui komentar John A. Mourant di dalam bukunya *Introduction to the Philosophy of Saint Augustine*⁸⁶:

"The citizens of the city of God live according to the spirit i.e. God; the others live according to the flesh, i.e. according to man... The characteristic of the heavenly city are self-sacrifice, humility and truth. The earthly are characterized by expediency, pride, ambition and vanity. "The one," he says, "Lives by natural generation, the other by supernatural regeneration, the one is temporal and mortal, the other eternal and immortal, the one determined by love of self, the other by love of God."

Berdasarkan kepada pembahagian manusia tersebut sekaligus menjelaskan pandangan St. Augustine tentang dosa dan dosa warisan adalah berbeza daripada apa yang diperkatakan oleh Pelagius⁸⁷. Menurut St. Augustine, manusia adalah makhluk yang sentiasa berdosa kerana mereka daripada keturunan Adam dan Eve melainkan individu yang benar-benar mengakui dan mengikut Jesus Christ sahaja yang terselamat daripada dosa.

⁸⁵ Lihat peristiwa Jesus Christ digoda oleh syaitan di dalam *The New Testament (Matthew 4), (Mark 1:12-13)* dan *(Luke 4: 1-13)*.

⁸⁶ *Ibid.*, hal. 29.

⁸⁷ Kenyataan lanjut mengenai Pelagius dan pandangan tentang dosa *infra* bab ini hal. 219-224.

Namun begitu, semua manusia tetap akan menanggung dosa warisan dan kedatangan Jesus Christ adalah rahmat daripada Tuhan untuk membebaskan manusia daripada dosa warisan tersebut. Justeru, beberapa perkara telah digariskan oleh St. Augustine berdasarkan pandangannya mengenai dosa warisan iaitu⁸⁸:

- i. dosa itu bersifat universal dan menyeluruh.
- ii. seseorang yang tidak menebus dosanya akan ditempatkan di suatu tempat yang bukan di syurga mahupun di neraka atau *non posse non peccare*.
- iii. ketidakmampuan manusia untuk mencapai atau mendapatkan merit pandangan Tuhan mahupun rahmat-Nya.
- iv. pandangan ataupun persepsi mengenai kebenaran yang terdapat di dalam penebusan dosa yang dilakukan oleh Jesus Christ merupakan yang pertama-tamanya di dalam menghapuskan kesalahan.

Kenyataan-kenyataan tersebut menjelaskan prinsip pandangan St. Augustine tentang dosa warisan adalah satu perkara yang telah meletakkan semua manusia berdosa akibat perbuatan buruk yang dilakukan Adam dan Eve. Namun, atas sifat kasih sayang dan rahmat Tuhan, manusia berdosa telah ditebus melalui pengorbanan Jesus Christ dan dipercayai sebagai satu-satunya metod yang absah dan *effective* untuk menghapuskan dosa warisan tersebut. Justeru doktrin dosa warisan adalah satu perkara utama yang dititikberatkan oleh St. Augustine.

⁸⁸ Emil Brunner (1952), *The Christian Doctrine*, hal. 114.

e. Martin Luther

Martin Luther merupakan seorang tokoh reformis agama Kristian yang tidak asing lagi. Beliau merupakan pengasas kepada mazhab Protestant yang diwujudkan hasil daripada perasaan tidak puas hati terhadap bentuk pentadbiran yang dilakukan oleh *pope* Roman Katholik iaitu *Pope Leo ke-X* yang berpusat di Vatican City, Itali. Walaupun Luther dikatakan seorang yang lebih terbuka pemikirannya, namun kebanyakan pandangan beliau masih tetap berasaskan pendapat para *pope* yang terdahulu terutamanya dari St. Augustine. Luther turut merupakan seorang ahli falsafah dan dengan itu banyak pandangannya adalah berbentuk falsafah. Oleh itu tidak hairanlah beliau juga terpengaruh dengan Neo-Platonisma khususnya idea-idea tentang kebebasan diri manusia untuk melakukan apa yang diingininya iaitu⁸⁹:

"...man is naturally a social being, whose rational life depends on the width of his interests; hence selfishness is always self-contradictory."

Oleh kerana St. Augustine merupakan idola Luther, maka pandangan beliau tidak jauh berbeza daripada pandangan St. Augustine. Menurut Luther doktrin dosa warisan bukanlah semata-mata muncul kerana penonjolan perbuatan yang dilakukan oleh Adam, tetapi lebih kepada kerosakan akhlak secara semulajadi yang merupakan kesan daripada dosa warisan⁹⁰. Dosa warisan adalah asas dan tunjang segala dosa dan ianya bukan seperti dosa-dosa lain yang diperolehi kerana perbuatan salah laku atau kesilapan dan dosa.

⁸⁹ B.H. Streeter, et.al (1912), *Foundations*, hal. 277.

⁹⁰ Henry Eyster Jacobs (1973), *Martin Luther: The Hero of the Reformation (1483-1546)*. New York: G.P. Rutnam's Sons, hal. 353.

Malahan ia hidup⁹¹, menjadi penyebab kepada dosa-dosa lain dan sentiasa kekal di dalam diri manusia. Hanya melalui rahmat Tuhan sahaja yang boleh menyucikan manusia daripada dosa warisan⁹² dan mengembalikan keadaan manusia seperti sediakala iaitu sebelum Adam melakukan dosa. Oleh itu, tanpa rahmat Tuhan manusia tidak mampu untuk berbuat apa-apa dan mendekatkan dirinya dengan Tuhan. Justeru, bagi Luther dosa warisan secara umumnya merupakan kerosakan semulajadi manusia. Selain daripada itu, dosa warisan juga adalah lambang kerosakan akhlak manusia.

Luther melihat hawa nafsu ataupun *concupiscene* memainkan peranan penting di dalam mendorong manusia melakukan kejahatan. Wujudnya hawa nafsu di dalam diri manusia merupakan kesan dan hukuman daripada dosa warisan⁹³. Oleh itu, hawa nafsu merupakan kelemahan sifat semulajadi manusia yang membuatkan manusia cenderung untuk melakukan kejahatan dan berasa sukar untuk membuat kebaikan. Oleh itu Luther melihat bahawa manusia hidup di dalam pertentangan antara Tuhan dan syaitan⁹⁴. Manusia bukanlah makhluk yang merdeka di sisi Tuhan. Walaupun demikian manusia masih membayangkan mereka adalah merdeka dan bebas melakukan sesuatu, walaupun pada hakikatnya mereka menjadi hamba kepada syaitan dan manusia adalah makhluk yang lemah.

⁹¹ *Ibid.*

⁹² *Ibid.*

⁹³ James Mackinnon (1962), *Luther and the Reformation*. New York: Russel & Russel Inc., hal. 177.

⁹⁴ H.G. Koenigsberger (1973), *Luther. A Profile*. U.S.A: The Macmillan Press Ltd., hal. 194.

Justeru, Luther melihat bahawa manusia bukan sahaja terbatas pergerakannya, bernasib malang dan mlarat, merasai sakit dan mati, malahan buta kerana menjadikan syaitan sebagai Tuhan mereka. Manusia juga menyangka mereka adalah bebas, gembira, memiliki kebebasan dan kemampuan, sempurna dan hidup⁹⁵. Namun begitu, kebebasan kehendak ataupun *free will* yang ada pada manusia bukanlah suatu kebaikan, malahan ianya adalah kejahanatan kerana ianya akan menghadkan hubungan manusia dengan Tuhan dan membuatkan manusia berdosa. Tambahan pula *free will* merupakan pantulan daripada sifat bangga manusia dan kehendaknya untuk menjadi seperti Tuhan (kerana Tuhan mempunyai *free will*) dan turut menjadi sebagai wakil syaitan di dalam diri manusia⁹⁶.

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, memperihatkan dosa sebagai suatu perkara yang utama di dalam membina hubungan manusia dengan Tuhan. Akibat daripada dosa, meletakkan manusia menjadi lemah dan tidak berdaya untuk membaiki hubungannya dengan Tuhan. Justeru, manusia mengharapkan rahmat Tuhan untuk membebaskan dirinya daripada dosa, walaupun asasnya manusia beranggapan mereka adalah bebas dari kawalan Tuhan. Bertitiktolak daripada ini, melalui rahmat Tuhan, manusia diselamatkan oleh Jesus Christ daripada belenggu ibu segala dosa iaitu dosa warisan. Oleh itu rahmat Tuhan yang dikurniakan kepada manusia adalah didasari kepada dosa warisan yang ditanggung manusia dan ianya dibuktikan

⁹⁵ *Ibid.*, hal. 191.

⁹⁶ *Ibid.*, hal. 189.

melalui anak Tuhan yang mengorbankan dirinya untuk kebahagiaan manusia. Ini membawa maksud bahawa doktrin dosa warisan adalah perkara utama yang mendasari prinsip ajaran Kristian kerana ia adalah titik tolak ke arah perlaksanaan ritual-ritual agama Kristian seperti *baptist, eucharist, confession* dan seumpamanya yang akan diperjelaskan lebih lanjut dalam perbincangan seterusnya.

f. Pelagius

Pelagius merupakan seorang lagi tokoh di dalam agama Kristian yang diakui kehebatannya oleh sarjana Kristian. Namun pandangan dan pegangannya tidak selari dengan pegangan kebanyakan penganut agama Kristian kini. Beliau dikatakan seorang yang mewujudkan perkara-perkara bid'ah ataupun *heresy* di dalam agama Kristian selain menjadi pengasas kepada aliran *Pelagianism* ataupun Pelagianisme.

Nama asal Pelagius dan asal-usulnya adalah kurang diketahui. Namun dipercayai nama asalnya ialah nama British iaitu Morgan⁹⁷ yang kemudiannya masyhur dengan nama Latinnya iaitu Pelagius. Walaupun begitu asal-usulnya tidak diketahui dengan tepat. Ini kerana terdapat pendapat yang mengatakan beliau berasal dari Britain, Ireland dan Timur⁹⁸. Beliau dipercayai hidup semasa zaman St. Augustine. Walaupun demikian pandangannya adalah

⁹⁷ Walter Farquhar Hook (1852), *Church Dictionary*, hal. 467.

⁹⁸ Paul Kevin Meagher, Thomas C. O'Brien, Sister Consuelo Marie Ahenn'e (1979), *Encyclopaedic Dictionary of Religion*, jilid O-Z, hal. 2716.

berbeza dengan pandangan St. Augustine terutama mengenai dosa dan dosa warisan. Oleh kerana itu, semasa Persidangan Carthage ke-16 pada tahun 418M, beliau telah didapati bersalah kerana menolak kewujudan dosa warisan yang diakibatkan oleh Adam dan Eve. Perbuatannya itu dikategorikan oleh agama Kristian sebagai membawa perkara bid'ah dan Pelagius dijatuhi hukuman.

Oleh kerana ajarannya diletakkan sebagai bid'ah, maka tulisan-tulisan berkenaan kurang diperolehi. Namun sebagai suatu perbandingan, kajian ini memaparkan sedikit pandangannya berkenaan dosa dan dosa warisan berdasarkan nukilan St. Augustine "*Give what you command and command what you will*"⁹⁹. Berdasarkan nukilan tersebut, Pelagius menjelaskan bahawa St. Augustine cuba untuk merendah-rendahkan aturan moral dan kehendak manusia untuk mendapatkan kesempurnaan. Di samping itu juga, St. Augustine seolah-olah cuba untuk meletakkan tanggungjawab yang sepenuhnya terhadap Tuhan berbanding dengan manusia¹⁰⁰ walaupun kesalahan itu dilakukan oleh manusia berdasarkan kehendak dan pilihannya.

Pelagius melihat rahmat Tuhan adalah perkara yang patut difahami sebagai suatu pendedahan tujuan dan kehendak Tuhan iaitu kebebasan yang dilalui oleh setiap manusia dan sentiasa berusaha untuk mencapai kebenaran di

⁹⁹ Penulis tidak menemui teks buku tulisan St. Augustine iaitu *Confessions* yang mengandungi kenyataannya di atas. Lihat John. R. Hinnels (1991), *Who's Who of World Religious*. Basingstoke, London: The Macmillan Press Ltd., hal. 323.

¹⁰⁰ Mircea Eliade (1987), *The Encyclopedia of Religion*, jilid 11, hal. 226.

dalam hidup. Tuhan membantu manusia melalui rahmat-Nya yang mengurniakan kehendak dan kemampuan kepada manusia untuk memilih yang baik dan buruk, mengurniakan undang-undang nabi Musa ^{a.s}, pengampunan dosa dengan taubat melalui kematian Jesus Christ, ajaran-ajaran Jesus Christ dan contoh tauladan daripada Jesus Christ¹⁰¹. Apa yang dikehendaki oleh Pelagius di sini ialah kemuliaan manusia adalah bergantung kepada dirinya sendiri, melalui kebebasan memilih yang baik dan buruk dan melalui tindakannya dapat mengambil inisiatif untuk menyelamatkan diri¹⁰² daripada perkara-perkara buruk. Justeru, pemberian rahmat Tuhan adalah sesuatu yang tidak memerlukan apa-apa pengorbanan ataupun bayaran. Ini berbeza daripada keyakinan masyarakat Kristian yang meletakkan rahmat Tuhan itu dianugerahkan kepada manusia melalui penghapusan dosa warisan dan pengurniaan Jesus Christ yang dikorbankan sebagai penebus dosa manusia.

Bertitiktolak daripada nukilan Pelagius, tentang hebat dihujahkan oleh St. Augustine terhadap beliau. Kenyataan ini dapat dilihat melalui nukilan Paul Kevin Meagher mengenai pendapat St. Augustine terhadap pendapat Pelagius yang ditulisnya dalam *Encyclopaedic Dictionary of Religion*¹⁰³:

"The massive attack launched by Augustine was directed against the denial of original sin and the gratuitousness of divine grace."

¹⁰¹ *Ibid.*

¹⁰² Paul Kevin Meagher, Thomas C. O'Brien, Sister Consuelo Marie Ahenn'e (1979), *Encyclopedia Dictionary of Religion*, jilid O-Z, hal. 2716.

¹⁰³ *Ibid.*

Justeru, berdasarkan kepada kenyataan tersebut golongan Pelagian iaitu para pengikut Pelagius melihat rahmat itu merupakan punca kepada ganjaran yang berbentuk ghaib daripada Tuhan ataupun *source of supernatural reward*¹⁰⁴. Manakala merit ataupun kualiti diri seseorang itu adalah kesan daripada rahmat tersebut. Jika dilihat dari sudut teologi pula, kenyataan tersebut menjelaskan bahawa merit seseorang itu adalah ganjaran hasil daripada tindakan yang baik ataupun perbuatan yang mendarangkan kebahagiaan yang segalanya berpunca daripada rahmat atau *grace*¹⁰⁵

Bertitiktolak daripada perbincangan-perbincangan tersebut, secara rumusannya terdapat tujuh perkara yang dilihat oleh Pelagius berkaitan dengan dosa iaitu¹⁰⁶:

- i. penciptaan Adam pada asalnya adalah tidak kekal ataupun *mortal* dan beliau tetap akan mati walaupun tidak melakukan dosa.
- ii. dosa Adam hanya berkesan kepada dirinya sahaja dan bukan kepada umat manusia.
- iii. bayi dan kelahiran telah ditetapkan walaupun sebelum Adam melakukan dosa.
- iv. umat manusia tidak mati kerana kesalahan Adam dan kematian tidak akan terhapus kerana Jesus Christ.

¹⁰⁴ Gordon Leff (1957), *Bradwardine and the Pelagians*. Cambridge: At The University Press, hal. 156.

¹⁰⁵ *Ibid.*

¹⁰⁶ Mircea Eliade (1987), *The Encyclopedia of Religion*, hal. 226.

- v. mematuhi peraturan dan syariat membawa manusia kepada kerajaan Tuhan.
- vi. Jesus Christ bukannya manusia pertama yang tidak melakukan dosa kerana sebelumnya nabi Nuh, Melchizedek, Ibrahim dan Job juga dipercayai tidak melakukan dosa.
- vii. seseorang itu boleh tidak berdosa dan menjaga perintah ketuhanan atau *divine commandment*.

Kenyataan-kenyataan di atas menjelaskan bahawa Pelagius menolak sama sekali kewujudan doktrin dosa warisan di dalam agama Kristian dan menganggap dosa itu adalah tanggungan individu dan ianya tidak dapat mengurangkan kualiti diri individu lain melainkan individu yang melakukan dosa sahaja. Beliau juga melihat bahawa Jesus Christ bukanlah sebaik-baik manusia yang bebas daripada dosa, malahan terdapat ramai manusia yang sebelumnya juga bebas daripada dosa. Selain daripada itu, metod sebenar untuk mencapai kerajaan Tuhan adalah dengan memelihara peraturan dan syariat agama dan bukannya dengan melakukan upacara-upacara agama tertentu ataupun *sacramental ritual* seperti *baptist* dan *last supper* untuk mencapai tujuan tersebut. Oleh itu, manusia masih boleh mendapat dosa walaupun selepas melakukan upacara *baptist*. Ini kerana bagi Pelagius upacara baptis bukanlah untuk menghapuskan dosa warisan, tetapi adalah sebagai

pengakuan manusia terhadap kerajaan Tuhan ataupun *Kingdom of Heaven* dan berkemungkinan sebagai penyatuan dengan Jesus Christ¹⁰⁷.

Justeru kajian ini dapat merumuskan dua perkara berkenaan dengan dosa dan dosa warisan di dalam agama Kristian berdasarkan kepada pandangan Pelagius iaitu seseorang itu di atas pilihannya sendiri dapat menentukan kedudukan dirinya di hadapan Tuhan sama ada baik ataupun buruk dan dosa itu adalah suatu yang berbentuk individu dan oleh itu ianya tidak boleh menjangkiti atau mempengaruhi orang lain.

C. RITUAL-RITUAL PENGHAPUSAN DOSA

Beberapa praktikal keagamaan dititikberatkan oleh agama Kristian dalam usaha menjamin kehidupan penganutnya bebas daripada belenggu dosa. Walaupun dosa warisan telah terhapus melalui pengorbanan Jesus Christ di tiang salib, namun manusia tidak dapat melarikan diri daripada melakukan kesalahan dan dosa. Ini kerana kelemahan diri dan sifat manusia yang cenderung menurut hawa nafsu. Oleh itu, manusia yang berdosa sentiasa mendekatkan dirinya kepada Tuhan untuk mensucikan dirinya. Atau dalam erti kata lain, dirinya telah suci daripada tunjang dosa iaitu dosa warisan tetapi kerana kelemahan manusia tidak dapat melarikan dirinya daripada melakukan kesalahan. Ajaran dosa warisan yang diperkenalkan oleh St. Paul dan diasaskan serta dibentuk sebagai doktrin agama Kristian dan khususnya

¹⁰⁷ Donald Attwater (1951), *The Catholic Encyclopedia Dictionary*, hal. 375 dan William E. Addis and Thomas Arnold (1957), *A Catholic Dictionary*, hal. 631.

Roman Katholik oleh St. Augustine ini mendasari prinsip agama Kristian. Ini bererti, penganut Kristian perlu sentiasa dalam keadaan suci untuk mendekatkan dirinya kepada Tuhan dan meraih rahmat-Nya di Kerajaan Tuhan.

Untuk mencapai tujuan tersebut, gereja Kristian khususnya Roman Katholik mengajarkan penganutnya untuk melaksanakan ritual-ritual tertentu. Praktikal-praktikal keagamaan ini diasaskan melalui peristiwa-peristiwa yang berkait rapat dengan Jesus Christ sebagai penebus dosa warisan. Ini dipercayai untuk menonjolkan keutuhan dosa warisan sebagai prinsip yang mendasari perlaksanaan doktrin-doktrin lain dalam agama Kristian. Apatah lagi setiap praktikal penghapusan dosa ini adalah praktikal-praktikal utama ke arah kemuncak penghapusan dosa warisan oleh Jesus Christ di tiang salib. Atau dalam erti kata lain, praktikal-praktikal keagamaan dalam penghapusan dosa warisan ini adalah peristiwa-peristiwa yang dialami oleh Jesus Christ demi untuk menghapuskan dosa warisan yang membelenggu manusia. Justeru, ia telah disabitkan sebagai praktikal utama ke arah penghapusan dosa. Untuk memahaminya lebih lanjut, kajian ini akan menghuraikan kaitan praktikal-praktikal penghapusan dosa iaitu *baptism, eucharist, confession* dan *extreme unction* dengan sejarah penebus dosa warisan iaitu Jesus Christ.

1. *Baptism*

Penggunaan istilah baptis di dalam bahasa Inggeris adalah istilah yang diambil daripada bahasa Greek. *Baptism* merupakan perkataan Inggeris yang

diambil daripada perkataan Greek iaitu *baptizein*¹⁰⁸. Manakala perkataan *baptize* pula diambil dari perkataan *baptidzo* yang bererti *to dip* atau *to immerse*¹⁰⁹ yang di dalam bahasa Melayu diertikan dengan mencelup (mandi). Upacara ini merupakan upacara kuno keagamaan kerana ianya telah diterima dan diamalkan oleh masyarakat dahulu kala lagi iaitu sebelum tersebarnya agama Yahudi. Ianya dikatakan telah diamalkan lama sebelum zaman Rom dan Greek lagi¹¹⁰. Jika dilihat di dalam upacara-upacara keagamaan pengikut agama Pagan di sekitar Palestine, upacara baptis turut diamalkan. Ianya telah dipraktikkan oleh orang-orang Mesir Purba¹¹¹, Babylon¹¹², dan masyarakat Hindu¹¹³ yang kesemuanya muncul sebelum dominasi bangsa Greek, Rom dan Yahudi.

Upacara baptis merupakan upacara keagamaan yang popular di dalam agama Kristian. Terdapat pelbagai keterangan Bible yang menyebutkan tentang upacara yang dianggap suci ini. Keterangan-keterangan tersebut menjelaskan di antaranya, Jesus Christ telah dibaptiskan oleh *John the Baptist* di sungai Jordan sepetimana yang disebut oleh *Matthew 3:13-16*:

"Then Jesus came from Galilee to the Jordan to be baptized by John. But John tried to deter him saying, "I need to be

¹⁰⁸ Lewis M. Hopfe (1983), *Religion of the World*, hal. 387.

¹⁰⁹ *Ibid* dan untuk lebih lanjut sila lihat Mohammed. Yusoff Hussain (1993), "Baptis dan Wuduk dalam Kristian dan Islam", hal. 269

¹¹⁰ J.G.R Forlong (1964), *Faiths of Man: Encyclopedia of Religions*. New York: University Books, jilid 1, hal. 252.

¹¹¹ Mircea Eliade (1987), *The Encyclopedia of Religion*, jilid ke-2, hal. 59.

¹¹² *Ibid*.

¹¹³ James Hasting (1920), *The Encyclopedia of Religion and Ethics*, jilid ke-2, hal. 55 dan lihat juga Hamizan Abdul Aziz (1999), "Baptis dan Berkhatan: Satu Kajian Perbandingan" (*Latihan Ilmiah*). Universiti Malaya: Jabatan Akidah & Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam.

baptized by you, and do you come to me?" Jesus replied, "Let it be so now; it is proper for us to do this to fulfill all righteousness." Then John consented. As soon as Jesus was baptized, he went up out of the water. At that moment heaven was opened, and he saw the Spirit of God descending like a dove and lighting on him."

Justeru, berdasarkan kepada peristiwa tersebut, para penganut Kristian telah menganggap bahawa Jesus Christ merupakan orang yang bertanggungjawab mengasaskan institusi baptis di dalam agama Kristian dan ianya dianggap sebagai *sacrament*. Oleh itu mana-mana penganut Kristian yang melakukan baptis dengan bukan nama Jesus Christ adalah tidak sah kerana ianya tidak menepati konsep sebenar baptis di dalam agama Kristian yang meyakini akidah triniti iaitu Tuhan Bapa, Tuhan Anak iaitu Jesus Christ dan *The Holy Spirit*. Ia juga tidak memenuhi kehendak sebenar baptis di dalam agama Kristian iaitu untuk menyucikan dosa warisan di dalam diri manusia selain daripada dosa-dosa lain sebagaimana yang telah dilakukan oleh Jesus Christ yang mati di palang salib demi untuk menebus dan membebaskan manusia daripada belenggu dosa warisan. *Acts. 19:4-7* menyatakan St. Paul menyuruh beberapa orang pengikut Jesus Christ yang dibaptiskan oleh *John the Baptist* dibaptiskan semula atas nama Jesus Christ agar mereka dapat menerima *The Holy Spirit*:

"Paul said, "John's baptism was a baptism of repentance. He told the people to believe in the one coming after him, that is, in Jesus." On hearing this they were baptized into the name of Lord Jesus. When Paul place his hands on them, the Holy Spirit came on them, and they spoke in tongues and prophesied. There were about twelve men in all."

Di dalam agama Kristian, upacara baptis adalah upacara yang penting dan besar erti bagi setiap penganut agama Kristian. Ini kerana antara tujuan utama upacara baptis lebih berkait dengan kerohanian dan ianya adalah untuk menghapuskan dosa warisan di dalam setiap diri manusia walaupun di peringkat awal tujuannya bukan untuk menyuci dosa warisan. Seseorang yang ingin memeluk agama Kristian dikehendaki terlebih dahulu menjalani upacara baptis. Begitu juga dengan bayi yang baru lahir, malahan orang dewasa juga. Ini kerana selain menghapuskan dosa warisan, baptis juga merupakan satu cara untuk menyelamatkan diri¹¹⁴ manusia dari hukuman-hukuman akibat dosa yang mereka lakukan dan sekaligus dapat menghapuskan dosa-dosa seseorang di masa akan datang.

Jika dilihat dari sejarah awal agama Kristian, pembaptisan Jesus Christ yang dilakukan oleh *John the Baptist* di sungai Jordan dengan cara memandikannya di dalam sungai tersebut telah membuktikan bahawa upacara tersebut telah dijalankan semenjak dahulu lagi sebelum Jesus Christ dan Jesus Christ bukanlah orang pertama yang menjalani upacara tersebut. Apatah lagi tidak ada kenyataan Bible yang jelas tentang pengasasan dan pendirian baptis oleh Jesus Christ. Hanya terdapat arahan Jesus Christ tentang baptis selain daripada kisah beliau dibaptiskan di sungai Jordan. Arahan beliau dapat dilihat di dalam ***Mathew 28:19***:

"Therefore go and make disciples of all nations, baptizing them in the name of the Father and of the Son and of the Holy Spirit."

¹¹⁴ Lewis M. Hopfe (1983), *Religion of the World*, hal. 387.

Berdasarkan kepada peristiwa pembaptisan Jesus Christ tersebut, masyarakat Kristian telah mengikutinya dan St. Paul menjadikannya sebagai salah satu upacara keagamaan di dalam agama Kristian. Namun tujuannya bukanlah untuk menghapuskan dosa warisan kerana doktrin dosa warisan masih belum diperkenalkan tetapi lebih kepada bentuk taubat daripada dosa¹¹⁵, penyatuan dengan Jesus Christ dan pengakuan kepada *The Holy Spirit*¹¹⁶. Ianya juga sebagai suatu pembuktian kepatuhan penganut agama Kristian kepada setiap perlakuan dan perbuatan Jesus Christ¹¹⁷. Selain daripada pengakuan tentang *The Holy Spirit*, upacara baptis juga menunjukkan tentang penyatuan dengan *The Holy Spirit*. Hal ini dapat dilihat di dalam *The New Testament* terutamanya di dalam *Acts* yang membuktikan kehadiran *The Holy Spirit* semasa upacara tersebut dijalankan¹¹⁸. Namun, asasnya upacara baptis di dalam agama Yahudi dan peringkat awal Kristian hanyalah suatu upacara yang objektifnya lebih kepada penyesalan dosa berbanding dengan kemaafan ataupun keampunan dosa¹¹⁹ ataupun dengan kata lain lebih kepada bentuk baptis taubat¹²⁰. Berikutnya daripada itu, kegiatan baptis di peringkat awal

¹¹⁵ Sila lihat *The New Testament* (*Act 3:19 & 26, 5:31, 10:43 & 13:38*). Dengan melakukan baptis keampunan secara langsung diperolehi manusia. R.P.C Hanson (1988), *The Acts in the Revised Standard Version*. Oxford: At The Clarendon Press, hal., 44.

¹¹⁶ Daniel G. Reid (1990), *Dictionary of Christianity in America*. Illionis: Intervarsity Press, hal. 105.

¹¹⁷ Untuk keterangan lanjut sila rujuk *The New Testament* (*Matthew 3:13-17*) dan lihat Khadijah Mohd. Khambali, "Baptis, Wuduk dan Ghoul: Suatu Kajian Perbandingan", hal. 158

¹¹⁸ Sila lihat *The New Testament* (*Act 2:38, 9:17-19 & 19:1-7*).

¹¹⁹ Jeremy Taylor (1822), *The Whole Works of Jeremy Taylor*. London: Ongle, Duncan and Co., jilid 2, hal. 238.

¹²⁰ Mohammed Yusoff Husaain, (1993), "Baptis Dan Wuduk Dalam Kristian Dan Islam" hal. 270 dan lihat juga dalam *The New Testament* (*Acts. 19:1-7*).

penyebaran Kristian lebih bersifat luaran atau jasmani kerana lebih tertumpu kepada upacara menerima kemasukan seseorang ke dalam agama Kristian.

Ini membawa maksud bahawa konsep baptis sentiasa berubah mengikut peredaran masa dan zaman. Sebelum era St. Paul, baptis hanyalah merupakan upacara keagamaan biasa dan tidak wajib dilakukan oleh setiap penganut Kristian. Ianya juga tidak memberi sebarang implikasi atau kesan yang mendalam terhadap pelakunya. Apatah lagi St. Paul sendiri tidak menyatakan bahawa baptis itu penting dan perlu untuk menjadikan seseorang itu sebagai pengikut beliau dan penganut Kristian. Ini kerana bagi beliau tugas utamanya sebagaimana dakwaannya ialah untuk menyampaikan dan mengajarkan *gospel* sepertimana yang diungkapkan oleh *1 Corinthians 1:14-17*:

"I am thankful that I did not baptize any of you except Crispus and Gaius, so no one can say that you were baptized into my name. (Yes, I also baptized the household of Stephanus; beyond that, I don't remember if I baptized anyone else.) For Christ did not send me to baptize, but to preach the gospel-not with words of human wisdom, lest the cross of Christ be emptied of its power."

Namun ianya telah bertukar menjadi suatu upacara wajib dan dianggap *sacrament* kerana dipercayai dapat memberi implikasi yang mendalam terhadap pelakunya yang lebih memfokuskan kepada penghapusan dosa-dosa yang telah dilakukannya dan yang akan datang. Di samping itu, ia turut mendorong seseorang itu sentiasa intim dengan ajaran agama Kristian kerana telah wujud dalam dirinya penyatuannya dengan Jesus Christ, Tuhan Bapa dan

The Holy Spirit. Ini memandangkan upacara baptis dapat membentuk semula suatu hubungan yang rapat di antara manusia dengan Tuhan melalui penyatuan mereka dengan Jesus Christ sebagai penebus dosa warisan manusia. Ini dapat dilihat dari segi konsep baptis yang merupakan permulaan hidup baru penganut Kristian melalui keyakinan terhadap peristiwa-peristiwa yang dialami oleh Jesus Christ iaitu baptis, mati disalib, bangkit kembali demi untuk memberi cahaya kehidupan yang baru kepada penganut-penganutnya¹²¹.

Kepentingan upacara baptis bukan sahaja tertumpu untuk menyucikan manusia daripada dosa warisan semata-mata, malahan ianya juga merupakan suatu bentuk perlambangan penyatuan antara penganut agama Kristian dengan Jesus Christ sebagai penyelamat manusia daripada dosa warisan dengan mengorbankan dirinya di palang salib. Ianya juga sebagai lambang penyatuan dengan *The Holy Spirit* secara langsung sebagaimana yang berlaku kepada Jesus Christ ketika beliau dibaptiskan oleh *John the Baptist* di sungai Jordan¹²². Oleh itu baptis dikatakan mempunyai kesan berterusan iaitu menghapuskan dosa warisan di dalam diri seseorang itu yang merupakan suatu kesinambungan rahmat Tuhan hasil daripada *atonement* ataupun penebusan dosa warisan yang dilakukan oleh Jesus Christ. Rahmat Tuhan juga tidak akan diberikan kepada orang-orang yang tidak melakukan baptis dan mereka akan menjadi orang-orang yang rugi kerana tidak dapat bersama dan bersatu dengan Jesus Christ yang merupakan antara pencapaian merit yang tertinggi bagi

¹²¹ *Ibid.*, hal. 272.

¹²² Lihat *The New Testament (Matthew 3:13-14), (Mark 1:9-13)* dan *(Luke 3:21-22 & 4:1-13)*

seseorang individu¹²³. Tanpa rahmat Tuhan, maka dosa warisan dan dosa-dosa yang lampau tidak akan diampunkan. Dengan demikian setiap orang tidak kira bayi, kanak-kanak atau orang dewasa yang telah menjalani upacara baptis, mereka akan bersatu dengan Jesus Christ dengan bersatu di dalam bentuk kematian dan kebangkitan semula Jesus Christ ataupun *resurrection*. Seseorang yang dibaptis itu adalah sama dengan kematian Jesus Christ dan kebangkitannya¹²⁴. Atau dengan kata lain mereka ini akan keluar daripada belenggu dosa warisan dan menjadi seorang yang bersih dan suci.

Sebagaimana di dalam **Romans 6:4** menyatakan:

"We were therefore buried with him through baptism into death in order that, just as Christ was raised from the dead through the glory of the Father, we too may live a new life"

Justeru, di sini memperlihatkan bahawa individu yang menjalani upacara baptis akan memperolehi anugerah kerohanian yang kemuncaknya ialah kesucian daripada dosa warisan dan memperolehi rahmat Tuhan kerana penyatuannya dengan Jesus Christ. Seseorang individu Kristian itu akan diiktiraf menjadi ahli gereja ataupun members of *Christ Body*¹²⁵ kerana jiwa ketuhanan ataupun *divine spirit* telah masuk ke dalam dirinya melalui upacara baptis.

¹²³ Isaac Walton (t.t), *The Works of that Learned and Judicious Divine Mr. Richard Hooker*. New York: At The Clarendon Press, jilid 2, hal. 265.

¹²⁴ Muhammed Yusoff Hussain (1993), "Baptis Dan Wuduk Dalam Kristian Dan Islam", hal. 272.

¹²⁵ *Ibid*, hal. 273.

Oleh itu, tanpa upacara baptis, penganut agama Kristian tidak diiktiraf sebagai penganut yang taat dan setia kepada agama. Tanpa penyucian diri daripada dosa warisan dan penyatuan dengan Jesus Christ serta *The Holy Spirit* tidak memungkinkan diri seseorang itu bebas daripada dosa warisan dan dosa-dosa lain. Ini akan mengakibatkan seseorang itu jauh daripada rahmat Tuhan yang amat diperlukan manusia sebagai bekalan mereka untuk hidup kekal dan bahagia di dalam Kerajaan Tuhan kelak. St. Peter yang merupakan salah seorang daripada *apostle* Jesus Christ yang paling utama menjelaskan di dalam *Acts. 2:38*:

"Peter replied, "Repent and be baptized, every one of you, in the name of Jesus Christ for the forgiveness of your sins. And you will receive the gift of the Holy Spirit."

Justeru, ianya memperlihatkan seseorang yang telah menjalani upacara baptist merupakan ahli gereja dan mereka menjadi seorang yang percaya kepada Jesus Christ sebagai penyelamat manusia daripada dosa warisan melalui penebusan yang dilakukannya di palang salib dan meyakini akidah triniti¹²⁶ yang memperlihatkan Jesus Chirts sebagai *son of God*. Kepercayaan dan penyatuan dengan Jesus Christ inilah yang akan membuatkan individu Kristian itu selamat daripada dosa warisan dan menjadi ahli Kerajaan Tuhan kelak. Ianya juga merupakan suatu pengiktirafan dan keyakinan terhadap akidah triniti di dalam agama Kristian kerana mereka dibaptiskan atas nama Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan *The Holy Spirit* yang turut juga memperlihatkan

¹²⁶ Khadijah Mohd. Khambali (1994), "*Baptis, Wudhuk dan Ghusl: Suatu Kajian Perbandingan*", hal. 162.

seseorang penganut itu dikehendaki percaya kepada ketiga-tiga zat di atas adalah Tuhan yang bersatu menjadi satu.

Begitu juga sebagaimana yang dinyatakan oleh mazhab Roman Katholik bahawa upacara baptis adalah tiket utama penganut agama Kristian untuk memasuki Kerajaan Tuhan. Ini sudah termaktub dan dijelaskan di dalam Persidangan Trent (1545M-1563M) bahawa setiap penganut Kristian perlu disucikan diri mereka daripada dosa warisan dengan melakukan upacara baptis dan mereka akan mendapat rahmat daripada Tuhan melalui penyatuan dengan Jesus Christ¹²⁷.

Justeru, baptis bukan sahaja dilihat sebagai pencuci dosa warisan, malahan ianya juga adalah sebagai pembuktian kepada kepercayaan kepada Jesus Christ sebagai penghapus dan penebus dosa warisan melalui penyatuan dengannya dan menjadi ahli gereja. Kesanggupan individu Kristian menjadi ahli gereja secara rasmi merupakan suatu pembuktian kesediaan mereka untuk menjalani upacara-upacara *sacrament* yang lain yang telah ditentukan oleh pihak gereja. Ini juga memperlihatkan bahawa baptis turut menjadi penghubung dan pembuka jalan kepada penganut agama Kristian khususnya Roman Katholik untuk menjalani upacara-upacara *sacrament* yang lain seperti *Eucharist, confirmation, confession* dan *Extreme Unction*.

¹²⁷ William E. Addis (1957) *A Catholic Dictionary*, hal. 63.

Melihat kepada kepentingannya iaitu sebagai penyuci dosa warisan manusia, baptis dikatakan salah satu antara *sacrament* yang ditentukan oleh *Gospel* selain daripada *Lord's Supper*¹²⁸ untuk menghapuskan dosa dan dosa warisan. Justeru upacara baptis merupakan kesinambungan daripada tugas penebusan dosa yang telah dilakukan oleh Jesus Christ. Sebagaimana sifat air yang menyucikan, maka tujuan baptis adalah untuk menyucikan manusia daripada dosa warisan. Ini bersesuaian dengan apa yang telah dilakukan oleh Jesus Christ untuk menyucikan generasi manusia daripada dosa warisan melalui pengaliran darahnya di palang salib. Dengan demikian baptis boleh diumpamakan sebagai darah Jesus Christ yang menyucikan manusia daripada dosa warisan. Jika darah Jesus Christ digunakan untuk semua manusia, maka air yang digunakan di dalam upacara baptis pula adalah untuk individu sahaja. Justeru, perkaitan air dan darah di dalam perkara penebusan, penghapusan dan penyucian dosa warisan adalah sangat rapat. *1 John 5:6-8* menyatakan:

"This is the one who came by water and blood-Jesus Christ. He did not come by water only, but by water and blood. And it is the Spirit who testifie, because the Spirit is the truth. For there are three that testify: the Spirit, the water and the blood; and the three are in agreement."

Begin juga di dalam *1 Corintihians 12:13* mengukuhkannya:

"By one spirit we are baptized into one body, and have been all made to drink into one spirit."

Berdasarkan keterangan-keterangan di atas, terdapat tiga kombinasi perkara yang perlu difahami iaitu roh yang merupakan intitusi kepada

¹²⁸ *Ibid.*, jilid 1, hal. 148.

*Gospel*¹²⁹, air sebagai elemen utama untuk baptis ataupun memberikan erti sebagai baptis dan darah elemen utama dalam *Lord's Supper* ataupun *Last Supper*. Oleh kerana itu, upacara baptis sentiasa dikaitkan dengan perkara-perkara yang berbentuk mistik dan sekaligus memberikan kesan atau implikasi yang berbentuk *magic* ke atas individu yang melakukannya. Justeru, ia adalah *sacrament* suci yang wajib dilakukan oleh setiap penganut Kristian.

Namun terdapat pelbagai pendapat tentang saat atau waktu perlaksanaan baptis. Mazhab-mazhab utama Kristian berselisih pendapat dalam penentuan baptis dilakukan sama ada sewaktu individu Kristian itu masih bayi, kanak-kanak atau telah dewasa. Menurut mazhab Roman Katholik baptis perlu dilakukan sewaktu bayi. Ini kerana bayi yang baru lahir dianggap tidak suci disebabkan telah mewarisi dosa warisan. Oleh itu, bayi perlu dibaptiskan dengan tujuan menghapuskan dosa warisan. Setelah mencapai umur dewasa, mereka perlu menjalani *confirmation*¹³⁰.

¹²⁹ *Ibid.*, hal. 150.

¹³⁰ Jaroslav Pelikan (1988) *The Melody of Theology. A Philosophical Dictionary*, hal. 23. *Confirmation* merupakan salah satu *sacrament* wajib yang telah ditentukan oleh gereja terutamanya mazhab Roman Katholik. Ianya dilakukan sekali seumur hidup selepas seseorang itu menjalani upacara baptis. Ianya adalah suatu upacara untuk mengesahkan ataupun mengukuhkan lagi keimanan seseorang kepada Jesus Christ selepas baptis ataupun pengukuhan kepada baptis yang mengukuhkan lagi ikatan mereka dengan Jesus Christ. *Confirmation* tersebut akan membawa seseorang itu kepada rahmat Tuhan yang terkandung di dalam tujuh anugerah daripada *Holy Spirit* iaitu kebijaksanaan, kefahaman, nasihat, kesabaran, pengetahuan, ketataan kepada agama dan takut kepada Tuhan yang merupakan senjata dan benteng utama untuk menghadapi dosa dan kejahatan. Namun mazhab Protestant menolaknya sebagai sacrament. William E. Addis & Thomas Arnold (1957), *A Catholic Dictionary*, hal. 208 dan George H. Demetrikopoulos (1964), *Dictionary of Orthodox Theology*, hal., 47-48 & 58.

Menurut Anabaptist iaitu pecahan mazhab Protestant upacara baptis adalah berbentuk pilihan sama ada dilakukan semasa kecil ataupun bayi atau lebih kepada pilihan sendiri. Oleh itu, kanak-kanak tidak perlu dibaptiskan. Kanak-kanak ini diberikan kebebasan untuk memilih sama ada melakukan baptis ataupun tidak apabila mereka dewasa kelak. Pandangan mazhab ini agak bertentangan dengan mazhab lain kerana berpendapat masyarakat Kristian perlu diberikan pilihan untuk menentukan jalan mereka sendiri. Ini kerana sebagai sebuah institusi yang suci, gereja sudah semestinya adalah tempat bagi penganut-penganutnya yang benar-benar taat kepada agama dan ikhlas serta bersedia di dalam mengerjakan ibadat-ibadat yang telah ditentukan gereja sebagai pembuktian keimanan mereka. Dengan itu baptis hendaklah ditangguhkan sehingga ke suatu masa apabila seorang kanak-kanak mampu untuk membuat keputusannya sendiri¹³¹.

Secara umumnya seseorang yang akan dibaptiskan akan menjalani beberapa prosedur hingga tamat upacara tersebut. Menurut kepercayaan mazhab Orthodoks, semasa upacara dijalankan, paderi yang mengendalikannya akan mengucapkan *"This servant of Christ is baptized in the name of the Father and of the Son and of the Holy Spirit"*. Manakala bagi mazhab Roman Katholik dan Protestant, paderi hanya perlu mengucapkan *"I baptize you in the name of the Father and of the Son and the Holy Spirit."*

¹³¹ Jaroslav Pelikan (1988) *The Melody of Theology. A Philosophical Dictionary*, hal. 24.

Bertitik tolak daripada upacara tersebut, seseorang individu yang telah dibaptiskan sama ada sewaktu kecil atau dewasa perlu melakukan *confirmation*¹³², bererti ia telah terikat dengan ajaran Jesus Christ. Justeru, ia perlu mematuhi setiap ajaran gereja khususnya kepada penganut Roman Katholik yang tidak dibenarkan membelakangkan kekuasaan gereja sebagai kuasa mengajar, mentafsir ajaran Jesus Christ dan kandungan Bible.

Berdasarkan kepada keterangan-keterangan di atas, memperlihatkan bahawa *sacrament* baptis di dalam agama Kristian mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan doktrin dosa warisan. Ini kerana tanpa adanya doktrin dosa warisan upacara baptis tidak lebih hanyalah upacara biasa yang berbentuk taubat dan tidak ada nilai-nilai *religious* dan teologi di mana konsep dan falsafahnya sama dengan upacara baptis yang dijalankan oleh *John the Baptist* dan penganut agama Yahudi yang lain. Ketidakwujudan doktrin dosa warisan, tidak akan mewujudkan doktrin *atonement* iaitu Jesus Christ mengorbankan dirinya di palang salib untuk menebus dosa warisan manusia. Kematian dan kebangkitan semula Jesus Christ adalah lambang kepada *regeneration* yang terdapat di dalam upacara baptis. Setiap penganut agama Kristian yang melakukan baptis adalah individu yang bersama-sama dengan kematian dan kebangkitan Jesus Christ sepetimana yang telah dinyatakan di dalam **Romans 6:4**. Selain daripada itu, ketidakwujudan doktrin dosa warisan,

¹³² Sebab dilakukan upacara *confirmation* selepas seseorang itu menjalani upacara baptis adalah untuk memastikan dan menekankan keahlilan seseorang sebagai anggota gereja Kristian yang bertanggungjawab dalam mematuhi tuntutan ajaran agama Kristian dan peraturan gereja. Lihat Khadijah Mohd. Khambali, "*Baptis, Wuduk dan Ghul: Suatu Kajian Perbandingan*", hal. 155.

penganut agama Kristian tidak akan menerima anugerah besar daripada Tuhan iaitu bersatu dengan Jesus Christ dan mendapat naungan *The Holy Spirit* melalui upacara baptis yang dilakukan.

Di samping itu, doktrin dosa warisan adalah kegelapan yang dipenuhi dengan kekotoran yang menyelubungi diri manusia dan Jesus Christ adalah pintu utama penganut agama Kristian untuk keluar daripada kegelapan dan kekotoran. Manakala *sacrament* baptis adalah langkah pertama seseorang Kristian untuk menuju kepada cahaya. Seseorang yang telah menjalani upacara baptis merupakan seorang yang telah membuka lembaran baru di dalam kehidupannya dan dirinya seolah-olah telah melalui pintu kesucian yang telah menyelamatkannya daripada kegelapan. Apabila seseorang itu telah suci, maka ianya akan memudahkan dirinya untuk terus kekal berada di dalam cahaya kerana dilingkari rahmat Tuhan selagi dirinya tidak memutuskan penghubung-penghubung yang telah disediakan iaitu dengan mengerjakan *sacrament* lain seperti *Last Supper* dan *confession*.

Berdasarkan perbahasan-perbahasan di atas, beberapa rumusan telah dapat diambil iaitu:

- i. upacara baptis dilakukan seawal mungkin kerana ia dapat menghapuskan dosa warisan di dalam diri manusia. Ia merupakan kesinambungan daripada penebusan yang dilakukan oleh Jesus Christ. Ini kerana, sebelum daripada penebusan dosa warisan oleh Jesus Christ, dosa tersebut tidak akan diampunkan oleh Tuhan walau dengan

apa cara sekalipun, termasuklah individu-individu yang melakukan baptis sebelum pengorbanan Jesus Christ. Oleh itu setiap penganut Kristian wajib melakukan baptis selepas pensaliban Jesus Christ agar dosa warisan terhapus. Ini bererti, baptis adalah pengikat dan jaminan kepada setiap individu melepaskan bebanan tanggungan dosa warisan. Justeru, individu yang tidak melakukan upacara ini, tidak akan terhapus dosa warisannya.

- ii. baptis juga dapat menghapuskan dosa manusia yang lain yang dilakukannya.
- iii. baptis seumpama jalan dan lorong untuk menuju kerajaan Tuhan. Oleh itu seseorang yang telah dibaptiskan berada di dalam keadaan seolah-olah dilahirkan semula ataupun *regeneration* dan mereka akan menjadi ahli kerajaan Tuhan.
- iv. baptis juga akan membuatkan seseorang itu menjadi ahli gereja, dengan jiwa dan roh mereka akan bersatu dengan Tuhan Bapa, Jesus Christ dan *The Holy Spirit*.

Walaupun kuasa-kuasa baptis yang dinyatakan di atas diterima oleh kebanyakan pengikut Kristian, namun terdapat yang menolaknya. Jeremy Taylor di dalam buku *The Whole Work of Jeremy Taylor*, kelihatan menolak kebanyakan kuasa baptis terutamanya yang berkaitan dengan dosa warisan. Ini kerana beliau tidak membahaskannya di dalam buku tersebut. Taylor hanya menyebut bahawa baptis adalah upacara *sacrament* dan kuasanya hanya berkesan mengikut niat individu tersebut. Beliau turut menggariskan dua

perkara sahaja yang terdapat pada baptis iaitu penyesalan atau *repentance* dan pengakuan keimanan atau *faith*¹³³. Walaupun menurut beliau, baptis mempunyai dua kuasa, tetapi jika seseorang itu hanya berniat untuk penyesalan dosa-dosanya, maka hanya *repentance* sahaja yang akan berlaku, begitulah sebaliknya hanya sekiranya individu itu berniat untuk kedua-duanya, maka *repentance* dan *faith* akan berlaku. Justeru, beliau melihat *infant baptist* hanya untuk *faith* kerana bayi yang baru lahir masih suci daripada dosa dan kejahatan¹³⁴. Oleh itu, tidak timbul soal penghapusan dosa warisan. Begitupun, seandainya individu itu berniat untuk penghapusan dosa warisan, bererti ia akan terhapus apabila dirujuk kepada kaedah asas yang dinyatakan oleh Jeremy. Ini membawa maksud bahawa Jeremy turut tidak menolak upacara baptis sebagai turut menentukan keimanan individu dijamin menerusi penghapusan dosa warisan. Berkemungkinan Jeremy menolak kuasa baptis ke arah penghapusan dosa seandainya individu itu tidak berniat sedemikian. Tegasnya, agama Kristian khususnya Roman Katholik menitikberatkan upacara baptis sebagai penghapus dosa sebagai titiktolak daripada peristiwa yang membawa Jesus Christ dilantik sebagai penebus dosa warisan. Pembaptisan Jesus Christ adalah jaminan kesucian dan seterusnya pengukuh kedudukannya sebagai penghapus dosa warisan akibat perbuatan Adam dan Eve.

¹³³ Jeremy Taylor (1822), *The Whole Works*, jilid 2, hal. 261.

¹³⁴ *Ibid.*

2. *Last Supper, Lord's Supper atau Eucharist.*

Terdapat juga buku-buku yang ditulis pada sebelum dan awal abad ke-19M yang menggunakan istilah *Lord's Supper* untuk diertikan sebagai makan malam terakhir ataupun *Last Supper*. Namun terdapat juga istilah-istilah lain yang digunakan sebagai memberikan gambaran kepada makan malam terakhir Jesus Christ bersama para *apostle* beliau, antaranya *the Lord's Table, the Lord's Body, Eulogia, Agape, Breaking of Bread, He Broke the Bread, Synaxis* dan *Eucharist*¹³⁵. Antara istilah-istilah tersebut hanya tiga istilah sahaja yang banyak digunakan iaitu *Last Supper, Lord's Supper* dan *Eucharist*. Penggunaan istilah *Eucharist* pula masyhur di kalangan mazhab Roman Katholik. Manakala di dalam agama Yahudi, perayaan tersebut dikenali dengan nama hari *Passover* atau *Pasakh*. Sebagaimana yang telah diterangkan terdahulu *Last Supper* adalah salah satu upacara *sacrament* yang ditentukan oleh *gospel* selain daripada baptis. Sebagaimana upacara baptis, *Last Supper* juga diamalkan oleh agama-agama kuno¹³⁶ sebelum Kristian. Ini membuktikan lagi bahawa St. Paul adalah pengasas kedua agama Kristian yang bijak mengadun kepelbagaian agama Pagan dan falsafah lama ke dalam ajaran Kristian dengan diberi wajah baru.

¹³⁵ William E. Addis and Thomas Arnold (1957), *A Catholic Dictionary*, hal. 315.

¹³⁶ Salah satu masyarakat penganut agama Pagan yang mengamalkan upacara ini ialah masyarakat Graeco-Roman yang turut mempercayai secara mistik makanan yang dimakan merupakan tubuh Dionysus. James Hasting (1912), *Encyclopaedic of Religion and Ethics*, jilid 5, hal. 544. St. Paul di dalam *1 Corinthians 10* ada menyatakan perbezaan amalan *Last Supper* di antara penganut agama Kristian dengan Yahudi dan kaum penyembah berhala.

Berdasarkan kepada keterangan sarjana Kristian dan kenyataan-kenyataan daripada *The New Testament*, *Last Supper* merupakan gambaran penyatuan antara para penganut agama Kristian dengan Jesus Christ. Ini kerana pada malam upacara tersebut diadakan Jesus Christ hadir bersama-sama pengikutnya untuk sama-sama menikmati hidangan roti dan perahan anggur atau *wine* sebagai santapan terakhirnya. Ia dipercayai sebagai santapan terakhir Jesus Christ bersama pengikutnya yang setia atau *apostle* kerana selepas daripada itu, beliau telah ditangkap dan disalib. Dalam makan malam terakhir itu, Jesus Christ telah membahagikan roti sambil berkata "Inilah dagingku" dan ketika beliau meminta para *apostle* meminum air anggur, beliau menyatakan "Inilah darahku". Peristiwa tersebut dinyatakan dengan jelas di dalam ***Matthew 26:26-29***¹³⁷:

"While they were eating, Jesus took bread, gave thanks and broke it, and gave it to his disciples, saying, "Take and eat; this is my body." Then he took the cup, gave thanks and offered it to them saying, "Drink from it, all of you. This is my blood of the covenant, which is poured out for many for the forgiveness of sins. I tell you, I will not drink of this fruit o the vine from now on until that day when I drink it anew with you in my Father's kingdom."

Selain daripada peristiwa tersebut, konsep pemecahan dan pembahagian roti yang dilakukan pada upacara *Eucharist* turut diambil daripada peristiwa Jesus Christ membahagi-bahagikan lima buku roti untuk di makan oleh lima ribu orang. ***Matthew 14:15-21*** menyatakan¹³⁸:

¹³⁷ Lihat juga di dalam *The New Testament* (*Mark 14:22-26*), (*Luke 22: 15-20*) dan (*1 Corinthians 11:23-25*)

¹³⁸ Lihat juga di dalam *The New Testament* (*Mark 6:30-44*), (*Luke 9:10-17*) dan (*John 6:1-13*)

"As evening approached, the disciples came to him and said, "This is a remote place, and it's already getting late. Send the crowds away, so they can go to the villages and buy themselves some food." Jesus replied, "They do not need to go away. You give them something to eat." We have here only five loaves of bread and two fish," they answered. "Bring them here to me," he said. And he directed the people to sit down on the grass. Taking the five loaves and the two fish and looking up to heaven, he gave thanks and broke the loaves. Then he gave them to the disciples, and the disciples gave them to the people. They all ate and were satisfied, and the disciples picked up twelve basketful of broken pieces that were left over. The number of those who ate was about five thousand men, besides women and children.

Hal ini diperkuatkan lagi ketika Jesus Christ berdebat dengan orang-orang Yahudi mempertahankan maksud istilah roti adalah tubuh beliau dan air anggur adalah darah beliau. **John 6:52-58** menukilkan¹³⁹:

"Then the Jews began to argue sharply among themselves, "how can this man gives us his flesh to eat?" Jesus said to them, "I tell you the truth, unless you eat the flesh of the Son of Man and drink his blood, you have no life in you. Whoever eats my flesh and drinks my blood has eternal life, and I will raise him up at the last day. For my flesh is real food and my blood is real drink. Whoever eats my flesh and drinks my blood remains in me, and I in him. Just as the living Father sent me and I live because of the Father, so the one who feeds on me will live because of me. This the bread that came down from heaven. Your forefathers ate manna and died, but he who feeds on this bread will live forever."

Berdasarkan kepada keterangan-keterangan di atas, pengikut agama Kristian mempercayai kehadiran tubuh Jesus Christ ketika upacara *Eucharist* diadakan. Namun demikian, terdapat percanggahan pendapat tentang

¹³⁹ Untuk keterangan lanjut sila rujuk *The New Testament (John 6:25-59)*

bagaimanakah caranya Jesus Christ hadir ketika upacara tersebut berlangsung. Bagi mazhab Roman Katholik mereka mempercayai bahawa Jesus Christ hadir dengan sebenar-benarnya iaitu hadir sebagai tubuhnya di dalam setiap roti yang dimakan dan juga sebagai darah beliau di dalam setiap arak yang diminum berdasarkan teori mazhab ini iaitu teori *the real presence*.

Berdasarkan teori ini Jesus Christ dikatakan betul-betul dan benar-benar hadir serta dengan sebenar-benarnya hadir di dalam *sacrament holy Eucharist*¹⁴⁰. Menurut mazhab Roman Katholik, teori *real presence* ini diasaskan kepada kenyataan *The New Testament (John 6:52-58)* di atas. Teori *real presence* telah diperkuuhkan lagi apabila ianya telah dilulus dan diiktiraf oleh Persidangan Trent (1545M-1563M).

Namun demikian, terdapat perselisihan pendapat antara mazhab Roman Katholik dan Orthodoks tentang proses roti dan arak bertukar menjadi tubuh dan darah Jesus Christ semasa upacara *Eucharist* dijalankan. Roman Katholik menyatakan bahawa melalui perkataan "*this is my body*" dan "*this is my blood*" ia mampu untuk menukarkan roti kepada tubuh Jesus Christ dan arak kepada darah beliau¹⁴¹. Bagi Orhtodoks pula mereka menolak pandangan dan pendapat yang diberikan oleh Roman Katholik. Mereka berpendapat bahawa roti dan arak bertukar menjadi tubuh dan darah Jesus Christ ketika paderi yang menjalankan upacara tersebut menyeru *Ruh al-Quds* atau *The*

¹⁴⁰ William E. Addis and Thomas Arnold (1957), *A Catholic Dictionary*, hal. 315.

¹⁴¹ George H. Demetrikopoulos (1964), *Dictionary of Orthodox Theology*, hal. 80

Holy Spirit supaya menukar roti kepada tubuh Jesus Christ dan arak kepada darah beliau¹⁴².

Justeru, timbul pula satu persoalan lain, bagaimanakah Jesus Christ yang dikatakan telah mati pada anggapan Kristian boleh muncul semula dengan keadaan tubuhnya yang sebenar setiap kali upacara *Eucharist* dijalankan. Padahal ketika itu, roti yang dimakan tetap roti dan tidak berbentuk seperti tubuh Jesus Christ dan arak yang diminum masih kekal keadaannya dan tidak bertukar menjadi darah Jesus Christ. Untuk menjawab persoalan ini, agama Kristian khususnya mazhab Roman Katholik menyatakan bahawa upacara ini dianggap misteri dan dikategorikan sebagai *sacrament*. Ini kerana penjelasan mengenainya adalah *complicated* dan hanya pengikut Roman Katholik sejati dapat memahami situasi tersebut. Oleh itu, pengikut Kristian tidak boleh menolak kehadiran Jesus Christ kerana perbuatan sedemikian boleh dianggap *heresy*. Bagi mengukuhkan lagi pegangan mereka, suatu teori yang dikenali sebagai *transubstantiation* diperkenalkan. Teori ini menjelaskan bahawa walaupun roti yang dimakan oleh setiap pengikut Kristian itu pada zahirnya adalah roti tetapi realitinya telah bertukar menjadi tubuh Jesus Christ. Begitu juga dengan arak yang pada zahirnya adalah arak, tetapi realitinya ia adalah darah Jesus Christ¹⁴³.

¹⁴² *Ibid.*, hal. 79.

¹⁴³ William E. Addis and Thomas Arnold (1957), *A Catholic Dictionary*, hal. 318.

Untuk memperkuatkan teori *transubstantiation* ini, agama Kristian khususnya Roman Katholik memberikan contoh bahawa air yang dipanaskan itu zahirnya adalah tetap air tetapi sifatnya adalah panas. Oleh itu, air yang sejuk telah bertukar sifat menjadi panas dan ia tidak lagi layak dinisbahkan sebagai air sejuk tetapi berubah kepada panas dalam realitinya. Justeru, pertukaran sejuk kepada panas menjelaskan bahawa keadaan air boleh berubah kepada yang lain. Keadaan yang sama berlaku apabila diaplikasikan kepada pertukaran roti kepada tubuh dan arak kepada darah Jesus Christ.

Namun kajian ini mendapat terdapat sedikit kejanggalan berdasarkan contoh dan keterangan yang diberi. Kajian mendapat misalan dan alasan yang diberi berada di dalam kedudukan yang berbeza. Ini kerana ianya boleh diterima dengan keadaan sejuk dan panas itu adalah sifat air. Namun, dalam usaha menginterpretasikan keadaan roti menjadi tubuh Jesus Christ tetapi dalam keadaaan ia tetap roti adalah mustahil. Ini kerana kompenan roti dan jasad adalah berbeza, sekalipun roti tersebut dibubuh perisa daging dan dinamakan roti daging ia tetap tidak menjelaskan jasad atau tubuh Jesus Christ. Bahkan zahir dan realitinya, ia adalah roti berperisa daging dan tetap dikategorikan sebagai roti. Keadaan ini jauh berbeza daripada konsep *transubstantiation* yang meletakkan roti dari aspek zahir dan realitinya adalah jasad Jesus Christ tetapi tetap dipanggil sebagai roti.

Berasaskan konsepnya yang terlalu misteri menyebabkan mazhab Protestant menolak kepercayaan yang meletakkan bahawa roti dan arak

bertukar menjadi jasad dan darah Jesus Christ. Menurut Protestant, upacara memecah, membahagikan roti dan meminum arak hanyalah sebagai suatu warisan dan untuk mengingati tentang amalan yang dilakukan oleh Jesus Christ semasa perayaan *Last Supper*. Selain daripada doktrin *transubstantiation*, mazhab ini turut menolak beberapa kepercayaan yang diyakini oleh Roman Katholik di dalam *Eucharist*. Antaranya ialah kuasa ajaib yang dimiliki oleh para paderi, pemujaan, persesembahan korban untuk perdamaian atau *sacrificium propitiatorium* dan penafian tentang cawan untuk orang-orang awam atau *the cup of laity*¹⁴⁴. Walau bagaimanapun, mazhab Protestant tidak menolak kenyataan tentang kehadiran Jesus Christ pada upacara *Eucharist* dijalankan tetapi bukanlah dengan cara roti bertukar menjadi tubuhnya dan arak bertukar menjadi darah beliau. Kehadiran Jesus Christ pula adalah menyeluruh dan kewujudannya adalah berdasarkan kepada roti dan arak yang digunakan pada upacara tersebut. Justeru, setiap bahagian roti mahupun cebisan yang kecil merupakan kehadiran Jesus Christ yang lengkap dan sempurna¹⁴⁵. Oleh itu mazhab Protestant mempercayai kehadiran Jesus Christ nyata berdasarkan *the fact of real presence in, with and under the bread and wine*¹⁴⁶.

Selain keterangan daripada *The New Testament*, upacara *the Last Supper* yang dikenali sebagai perayaan *Pasakh* atau *Passover* di dalam agama

¹⁴⁴ James Hastings (1911), *Encyclopedia of Religion and Ethics*, jilid 5, hal. 564.

¹⁴⁵ *Ibid.*, hal. 565. Lihat juga artikel *The Seven Sacrament (The Holy Communion)*, hal. 1-2. Boleh diperolehi melalui pelayaran internet pada halaman web di alamat <http://www.leo@acctgmgmt.com>

¹⁴⁶ *Loc.cit.*, *Encyclopedia of Religion and Ethics*, hal. 565.

Yahudi, terdapat juga keterangan mengenainya di dalam *The Old Testament* dan sejarah-sejarah lama bangsa Yahudi terutamanya mengenai roti dan arak. Sebagai contoh sebagaimana yang dilakukan oleh Melchizedek, raja di Salem (Jerusalem) ketika beliau membawa roti dan arak. *Genesis 14:18* menjelaskan:

"Then Melchizedek king of Salem brought out bread and wine. He was priest of God Most High, and he blessed Abram..."

Begitu juga dengan sejarah bangsa Yahudi ketika bersama dengan Moses di gurun Sinai yang dianugerahkan Tuhan Yahweh makanan iaitu roti dari syurga dikenali dengan *manna*. *Exodus 16:31*¹⁴⁷ menukilkan:

"The people of Israel called the bread manna. It was white like coriander seed and tasted like wafers made with honey."

Bertitiktolak daripada peristiwa tersebut agama Kristian telah memberatkan penggunaan roti dan menunjukkan kepentingan roti dan arak di dalam meraikan perayaan *Last Supper*. Namun begitu *manna* di dalam keterangan di atas merupakan nikmat Allah s.w.t kepada bangsa Yahudi sahaja dan ianya hanya berlaku di zaman Moses. Melihatkan kepada kepentingan roti di dalam kehidupan seharian masyarakat Yahudi juga, tidak hairanlah roti dan arak memainkan peranan penting sebagai elemen ataupun alat pemangkin untuk Jesus Christ bersatu dengan para pengikutnya melalui kehadirannya dalam upacara *Eucharist*. Berdasarkan kepada peristiwa turunnya makanan dari langit itu juga, agama Kristian mengambil inspirasi untuk menyandarkan

¹⁴⁷ Untuk keterangan lanjut boleh dilihat *The Old Testament (Exodus 16:11-36)*.

roti yang dimakan pada malam *Last Supper* adalah makanan yang bukan sahaja untuk tubuh malahan juga untuk jiwa ataupun *spiritual food*. Ini kerana tubuh dan darah Jesus Christ dianggap makanan rohani melalui roti dan arak tersebut¹⁴⁸. Justeru, setiap bahagian roti yang di makan itu adalah tubuh Jesus Christ yang akan menjadi jiwa si pemakan untuk terus bersatu dengan prinsip-prinsip ajarannya selama-lamanya demi mencapai kebahagiaan di Kerajaan Tuhan kelak.

Selain sebagai suatu bentuk penyatuan antara Jesus Christ dengan penganut agama Kristian, *Last Supper* juga merupakan lambang kepada pengorbanan Jesus Christ untuk menyelamatkan manusia daripada dosa warisan yang ditanggungnya. Ini kerana makan malam yang dihadiri oleh Jesus Christ merupakan yang terakhir sebelum beliau melakukan tugas yang lebih besar iaitu mati di palang salib demi untuk menyelamatkan manusia daripada dosa-dosa warisan. Oleh itu ianya wajar diingati sebagai suatu memorial terhadap pengorbanan Jesus Christ yang begitu besar. Manusia telah bebas daripada bebanan dosa warisan di atas pengorbanan Jesus Christ. Ini kerana secara mistiknya air yang diminum pada malam *Last Supper* digambarkan sebagai darah Jesus Christ. Justeru ianya turut menggambarkan tentang pengaliran darah Jesus Christ semasa di tiang salib untuk menebus dosa manusia¹⁴⁹.

¹⁴⁸ Mary Pat Fisher (1994), *Living Religions*. New Jersey: Prentice Hall, edisi ke-2, hal. 279.

¹⁴⁹ William E. Addis and Thomas Arnold (1957), *A Catholic Dictionary*, hal. 321.

Kajian ini mendapati *Last Supper* lebih merupakan kepada suatu bentuk penyatuan di antara jiwa penganut Kristian dengan Jesus Christ dan peringatan tentang pengorbanan besar yang dilakukannya kepada Tuhan untuk menyelamatkan manusia daripada tanggungan dosa warisan. Ianya juga lebih merupakan suatu ucapan syukur atau terima kasih kepada Tuhan kerana memberikan rahmat melalui anak tunggal-Nya Jesus Christ kepada sekalian penganut Kristian supaya dosa warisan dan dosa-dosa mereka diampunkan Tuhan. Dengan demikian penyatuan jiwa penganut dengan Jesus Christ seolah-olah mereka menjadi Jesus Christ iaitu suci daripada tanggungan dosa warisan dan seterusnya merasai bersatu dengan Tuhan. Ini kerana Jesus Christ merupakan satu-satunya anak Tuhan dan beliau adalah bebas daripada tanggungan dosa dan dosa warisan. Atau dengan kata lain, pengorbanan Jesus Christ merupakan suatu penyembahan yang dilakukan untuk Tuhan. Tuhan menganugerahkan rahmat dan menghadiahkan penyesalan dan keampunan terhadap dosa warisan, dosa-dosa, termasuk dosa besar seperti zina, bunuh dan sebagainya. Ianya turut dapat membantu roh manusia ketika berada di alam kubur kelak¹⁵⁰ ataupun *purgatory*.

Berdasarkan keterangan-keterangan di atas, kajian ini mendapati seseorang yang mengikuti upacara *sacrament Eucharist* ini secara automatiknya akan memperolehi anugerah berikut:

¹⁵⁰ *Ibid*, hal. 323-324

- i. penyatuan diri dengan Jesus Christ melalui upacara *Eucharist* melalui kepercayaan bahawa roti bertukar menjadi jasad dan arak bertukar menjadi darah Jesus Christ.
- ii. membaiki jiwa dan roh seseorang penganut Kristian yang telah rosak akibat daripada dosa-dosa yang dilakukannya. Ini kerana penyatuan diri dengan Jesus Christ sebagai seorang yang suci daripada dosa akan menjadikan seseorang itu turut berkeadaan suci daripada dosa. Justeru ianya akan dapat meningkatkan kasih sayang Tuhan ke atas hamba-Nya.
- iii. mengekalkan kecemerlangan agama Kristian. Ini kerana para peganut agama Kristian akan sentiasa memperbaharui diri mereka bukan sahaja tubuh dan jasad, malahan jiwa dan roh mereka melalui penyatuan diri dengan Jesus Christ.

Ini memberi erti bahawa setiap penganut Kristian dan khususnya Roman Katholik adalah wajib mengimani dan mempercayai bahawa Jesus Christ adalah benar-benar hadir pada ketika upacara *Eucharist* dijalankan dan mereka akan bersatu dengan Jesus Christ melalui roti yang dimakan dan air yang diminum. Hidangan tersebut merupakan makanan jiwa ataupun *spiritual food* yang akan membantu penganut Roman Katholik dan Kristian mendapat rahmat Tuhan dan menerima pengampunan dosa. Para penganut Roman Katholik dan Kristian juga perlu mempercayai bahawa Jesus Christ telah bersatu dengan diri mereka dan begitulah sebaliknya. Para penganut agama Kristian juga akan bersatu sesama mereka sebagaimana mereka bersatu

dengan Jesus Christ¹⁵¹ dan ini seterusnya akan mendorong dan mewujudkan secara langsung hubungan persaudaraan dengan Jesus Christ, rakan seibadat dan ahli untuk seluruh gereja di dunia.

Kedua-dua praktikal keagamaan di atas iaitu baptis dan *Last Supper* diiktiraf dan dipersetujui oleh kesemua mazhab utama Kristian sebagai salah satu ibadat utama di dalam agama Kristian. Manakala mazhab Roman Katholik menambah lagi lima bentuk upacara *sacrament* di dalam agama Kristian dan menjadikan jumlah upacara *sacrament* agama Kristian mazhab Roman Katholik kepada tujuh upacara. Lima upacara tersebut ialah *Confirmation*¹⁵², *Penance*¹⁵³, *Holy Unction*¹⁵⁴, *Holy Order*¹⁵⁵ dan

¹⁵¹ Lihat Mary Pat Fisher (1994), *Living Religions*, hal. 278.

¹⁵² Definisi ringkas tentang *confirmation* telah dijelaskan *supra* bab ini nota kaki 130 hal. 236.

¹⁵³ *Penance* merupakan istilah lain yang digunakan untuk *confession* ataupun pengakuan dosa, lanya merupakan *sacrament* yang diasarkan oleh Jesus Christ dan ditentukan oleh gereja. *Penance* dilakukan untuk mendapatkan keampunan daripada dosa-dosa yang dilakukan selepas menjalani upacara baptis yang diperolehi melalui penganugerahan keampunan ataupun *absolution* daripada paderi. William E. Addis & Thomas Arnold (1957), *A Catholic Dictionary*, hal. 632 dan George H. Demetrikopoulos (1964), *Dictionary of Orthodox Theology*, hal. 56 & 143. Perbahasan lanjut mengenainya *infra* bab ini hal. 254-264.

¹⁵⁴ *Holy Unction* ataupun *Extreme Unction* merupakan *sacrament* yang dilakukan oleh beberapa orang paderi ke atas individu yang hampir mati untuk penyembuhan jasmani dan rohani. *Loc.cit.*, *A Catholic Dictionary*, hal. 333. Perbahasan lanjut mengenainya *infra* bab ini hal. 264-270.

¹⁵⁵ *Holy Order* merupakan upacara *sacrament* yang dikhususkan untuk bakal para paderi terutamanya yang bermazhab Roman Katholik. Di dalam upacara ini mereka akan diberi tauliah, ijazah dan kuasa oleh bishop untuk menjalankan upacara-upacara *sacrament*. Mereka juga akan memperolehi kuasa istimewa sebagaimana yang diperolehi oleh para *apostle* Jesus Christ yang antaranya ialah mengampunkan dosa manusia. Di dalam agama Kristian mazhab Orthodoks, *holy orders* dikenali dengan *Ordination*. George H. Demetrikopoulos (1964), *Dictionary of Orthodox Theology*, hal. 358. Lihat juga William E. Addis and Thomas Arnold (1957), *A Catholic Dictionary*, hal. 430, F.L. Cross (1958), *The Oxford Dictionary*, hal. 648 dan Donald Attwater (1951), *The Catholic Encyclopaedic Dictionary*, hal. 358.

*Matrimony*¹⁵⁶. Namun demikian bagi mazhab Orthodok pula, mereka hanya mengiktiraf dua sahaja daripada lima *sacrament* di atas iaitu *Confirmation* dan *Penance* atau *Confession* dan menjadikan empat upacara *sacrament* yang wajib dilakukan menurut mazhab Orthodoks iaitu *Baptist*, *Last Supper*, *Chrismation* atau *Confirmation* dan *Confession* atau *Penance*. Manakala mazhab Protestant pula hanya mengiktiraf dua sahaja upacara *sacrament* yang wajib dilakukan oleh umat Kristian iaitu *Baptist* dan *Last Supper*. Namun kajian seterusnya mengenai *sacrament* yang dinyatakan di atas akan dilakukan hanya kepada *sacrament Confession* dan *Extreme Unction* ataupun *Holy Unction* sahaja. Ini kerana kedua-dua *sacrament* tersebut mempunyai keupayaan untuk mengampunkan dosa-dosa manusia berbanding *sacrament* yang lain lebih memfokuskan kepada pengiktirafan kedudukan para paderi atau kepimpinan gereja.

3. *Confession*

Confession ataupun pengakuan dosa merupakan salah satu upacara keagamaan Kristian. Menurut kepercayaan Kristian, ianya hanyalah merupakan upacara tambahan di dalam usaha untuk mendapatkan keampunan

¹⁵⁶ *Matrimony* ataupun *Sacrament of Marriage* merupakan salah satu *sacrament* upacara perkahwinan bagi penganut agama Kristian. Di dalam upacara ini pasangan lelaki dan perempuan disatukan dalam satu ikatan yang sah iaitu perkahwinan. Tujuannya adalah untuk mengembang dan memelihara keturunan, menjadikan perempuan hak lelaki dan memberikan perlindungan dan nafkah kepada isteri. Ikatan yang diwujudkan di dalam perkahwinan adalah tanda keagamaan yang merupakan suatu simbolik kepada ikatan Jesus Christ dengan gereja. Individu Kristian yang berkahwin akan dapat meningkatkan anugerah rahmat Tuhan dan melalui kasih Tuhan dapat membantu pasangan tersebut meneruskan kehidupan sebagai suami isteri sebagaimana bukti kasih dan cinta yang ditunjukkan oleh Jesus Christ melalui pengorbanan yang dilakukannya untuk menebus dosa warisan manusia di palang salib. Paul Kevin Meagher, Daniel O'Brien, Sister Consuelo Marie Ahenn'e (1979), *Encyclopaedic Dictionary of Religion*, hal. 2267-2268.

dan kemaaafan terhadap dosa-dosa yang telah dilakukan oleh seseorang penganut agama Kristian. Ini berbeza bagi agama Kristian mazhab Roman Katholik yang meletakkannya sebagai salah satu daripada tujuh upacara *sacrament* yang wajib dilakukan.

Di dalam upacara ini tugas-tugas pengampunan dosa diberikan kepada para paderi¹⁵⁷. Para paderi khususnya dari mazhab Roman Katholik dikatakan sebagai orang yang mempunyai kuasa dan anugerah untuk menerima pengakuan dosa dan memberikan keampunan kepada individu yang datang untuk bertaubat daripada dosa-dosanya. Sebelum para paderi mendapat kuasa istimewa tersebut, mereka perlu menjalani suatu upacara khas untuk mereka sahaja dan berbentuk *sacrament* yang dikenali sebagai *Holy Order*. Para paderi yang telah lulus dan mendapat tauliah daripada bishop berkelayakan untuk menjalankan upacara *confession* dan upacara-upacara *sacrament* yang lain termasuklah upacara baptis dan *Last Supper*. Kuasa para paderi untuk mengampunkan dosa manusia dikatakan diperolehi daripada Jesus Christ sendiri selepas beliau mati disalib. Jesus Christ telah menurunkan tanda kuasa tersebut ke atas para *apostle* beliau dan ianya akan terus diperturunkan kepada setiap paderi selepasnya. Bukti utama tentang penurunan kuasa tersebut dinyatakan di dalam *John 20:21-23*:

"Again Jesus said, "Peace be with you! As the Father has sent me, I am sending you." And with that he breathed on them and said, 'Receive the Holy Spirit. If you forgive

¹⁵⁷David Belgum (1963), *Guilt: Where Religion and Psychology Meet*. New Jersey: Prentice-Hall, Inc., hal. 62.

anyone his sins, they are forgiven; if you do not forgive them, they are not forgiven."

Matthew 16:19 & 18:18 turut mengukuhkannya:

"I will give you the keys of the kingdom of heaven; whatever you bind on earth will be bound in heaven, and whatever you loose on earth will be loosed in heaven."

"I tell you the truth, whatever you bind on earth, will be bound in heaven, and whatever you loose on earth will be loosed in heaven."

Berdasarkan kepada keterangan-keterangan daripada *The New Testament* di atas, penganut agama Kristian khususnya yang bermazhab Roman Katholik mempercayai bahawa para paderi mereka mempunyai kuasa istimewa yang ijazahnya diperolehi daripada Jesus Christ secara terus untuk mengampunkan dosa-dosa manusia. Justeru, para penganut agama Kristian yang melakukan *confession* hanya perlu mengadukan kepada paderi sahaja supaya dosa-dosa mereka diampunkan Tuhan. Ini kerana setiap perkara dan dosa yang diampunkan oleh paderi secara automatiknya akan diampunkan oleh Tuhan.

Bagi setiap penganut agama Kristian, mereka tidak terlepas daripada melakukan sebarang dosa walaupun selepas dibaptiskan. Walaupun kesan baptis adalah menyeluruh, namun seseorang itu perlu juga melakukan *confession* agar dosa-dosa diampunkan. Justeru, *confession* ini boleh diletakkan sebagai suatu kaedah untuk meminta keampunan daripada Tuhan

ke atas dosa-dosa yang dilakukan selepas menjalani upacara baptis¹⁵⁸. Ia turut dikategorikan sebagai suatu upacara *sacrament* yang diperolehi oleh seseorang Kristian melalui perantaraan paderi untuk mendapatkan keampunan dosa-dosa dengan cara menyesali dan mengakui dosa-dosanya di hadapan paderi¹⁵⁹.

Upacara *confession* merangkumi semua bentuk dosa sama ada dosa besar atau *mortal sin* maupun dosa kecil atau *venial sin*. Individu yang merasakan dirinya berdosa, ingin menyesal daripada dosa tersebut dan meminta keampunan daripada Tuhan, hanya perlu pergi ke gereja, berjumpa dengan paderi dan membuat pengakuan dosa iaitu *confession*. Paderi akan memberikan keampunan atau *penance*. Namun demikian, individu Kristian perlu memenuhi beberapa syarat utama dahulu sebelum sesuatu dosa itu boleh diampunkan. Terdapat empat perkara utama yang digariskan oleh Roman Katholik sebelum seseorang itu dapat diampunkan dosanya oleh para paderi, iaitu¹⁶⁰:

- i. pengakuan tersebut hendaklah di dalam bentuk menyeluruh iaitu merangkumi semua bentuk dosa yang telah dilakukan oleh seseorang individu selepas melakukan baptis. Ini termasuklah dosa-dosa besar dan dosa-dosa kecil yang pernah dilakukannya. Dosa tersebut akan

¹⁵⁸ William E. Addis and Thomas Arnold (1957), *A Catholic Dictionary*, hal. 207.

¹⁵⁹ *Ibid.*, hal. 632, Michael Keene (1995), *The Catholic Experience. Living Faith*. England: Stanley Thorne Publishers Ltd., hal. 86-87 dan artikel *The seven Sacrament (Penitance)*, hal. 1. Boleh diperolehi melalui pelayaran internet pada halaman web di alamat <http://www.leo@acctgmgmt.com>

¹⁶⁰ William E. Addis and Thomas Arnold (1957), *A Catholic Dictionary*, hal. 207.

diampunkan selepas paderi memberikan pengampunan dan pembebasan dari dosa ataupun *absolution*.

- ii. pengakuan dosa hendaklah dilakukan secara lisan iaitu mengaku dengan kata-kata yang diucapkan daripada mulut individu yang ingin bertaubat. Namun di dalam kes-kes yang tertentu atau darurat dibolehkan menggunakan tulisan ataupun tanda isyarat. Contohnya bagi orang-orang bisu, dibolehkan menggunakan tulisan ataupun bahasa isyarat.
- iii. pengakuan tersebut pula hendaklah diikuti dengan kesedihan yang mendalam dan disertai dengan niat dan keazaman yang teguh dan kental untuk mengubah dan memperbaiki diri ke arah lebih baik.
- iv. pengakuan juga hendaklah di dalam keadaan jujur dan ikhlas dengan menggunakan perkataan yang mudah dan jelas, dan di dalam waktu yang sama dilakukannya dengan rendah hati dan semata-mata ingin membebaskan diri daripada kejahatan dan dosa.

Justeru, dapat dirumuskan bahawa menurut Roman Katholik, *confession* adalah satu bentuk *sacrament* suci untuk mendapatkan keampunan ataupun *penance* yang diasaskan oleh Jesus Christ di dalam bentuk pengadilan untuk mendapatkan pengampunan dosa-dosa yang dilakukan selepas baptis. Keampunan tersebut berlaku hanya selepas paderi memberikan pengampunan dan pelepasan dari dosa ataupun *absolution* yang diiringi dengan penyesalan

dan kesedihan yang mendalam dengan tujuan sebenar-benarnya ingin berubah serta dilakukan dengan hati yang ikhlas¹⁶¹.

Di sini memperlihatkan bahawa pengakuan dosa ataupun *confession* mempunyai perkaitan yang rapat dengan baptis yang merupakan kuasa utama di dalam menyucikan manusia daripada dosa warisan. Di dalam agama Kristian, khususnya mazhab Roman Katholik berpendirian bahawa walaupun diri manusia telah suci daripada dosa warisan, mereka tetap tidak dapat lari daripada melakukan dosa-dosa lain. Ini kerana jasad manusia akan tetap menderhaka dan menentang Tuhan walaupun selepas individu itu menjalani upacara baptis¹⁶². Justeru, keinginan dan kecenderungan manusia untuk melakukan dosa tetap ada dan sentiasa terdedah kepadanya iaitu untuk melakukan dosa. Dengan demikian manusia akan tetap dan sentiasa berada di dalam gelumang dosa walaupun dirinya telah bebas dan suci daripada dosa warisan. Ini kerana kesan dosa warisan itu akan berkekalan walaupun ianya telah disucikan daripada individu terbabit. Dengan demikian, perbuatan dosa akan berterusan dan berkekalan walaupun selepas melakukan baptis. Oleh yang demikian, rahmat dan cinta kasih sayang Tuhan perlu sentiasa berterusan menaungi manusia supaya dapat mengimbangi kejahatan yang terdapat di dalam diri manusia.

¹⁶¹ *Ibid*, hal. 632.

¹⁶² *Ibid*.

Hal yang sedemikian memperlihatkan bahawa setiap individu Kristian perlu melakukan *confession* sebagai kesinambungan daripada proses penyucian dosa warisan melalui upacara baptis dan pengekalan rahmat serta cinta kasih sayang Tuhan kepada manusia. Untuk mengekalkan diri agar sentiasa berada di dalam rahmat Tuhan, maka *confession* perlu dilakukan untuk membebaskan diri daripada dosa-dosa yang telah dilakukan. Ini kerana *confession* yang dilakukan oleh seseorang itu mengandungi empat perkara iaitu pengakuan dosa, keinsafan, keampunan dosa dan kepuasan¹⁶³. Justeru, bagi mazhab Roman Katholik, *confession* adalah sesuatu yang wajib dan merupakan salah satu daripada tujuh *sacrament* yang telah ditentukan oleh gereja. Hal sedemikian adalah amat jelas kerana cinta dan kasih sayang Tuhan yang diberikan kepada manusia melalui perutusan Jesus Christ dan kematiannya di palang salib kerana menebus dosa warisan manusia. Penebusan dan penyucian yang dilakukan oleh Jesus Christ adalah kekal selama-lamanya. Kelangsungan pembuktian rahmat dan cinta kasih sayang Tuhan tersebut dapat dilihat melalui keupayaan dan kekuasaan yang diberikan oleh Tuhan kepada para paderi untuk mengampunkan dosa manusia.

Justeru, adalah wajar bagi setiap pengikut Kristian mengekalkan jambatan kasih sayang yang telah dibina oleh Jesus Christ agar kehidupan dan kebahagiaan yang kekal dapat dinikmati ketika berada di dalam Kerajaan Tuhan kelak. Melalui *confession*, individu Kristian itu akan dapat

¹⁶³ *Ibid.*

mengekalkan rahmat dan kasih sayang Tuhan kerana sentiasa menyucikan diri daripada dosa-dosa yang telah dilakukannya dan sentiasa dinaungi *The Holy Spirit.*

Berdasarkan penerangan-penerangan tersebut jelas membuktikan bahawa *sacrament confession* mempunyai kaitan yang rapat dan langsung dengan doktrin dosa warisan yang memperlihatkan tugas penyebusan dosa warisan yang dilakukan oleh Jesus Christ adalah berterusan bermula daripada kematiannya di palang salib, kemudian penyatuan dengan pengikutnya di dalam upacara baptis hingga ke pengampunan dosa warisan dan dosa-dosa lain yang khusus diraih melalui perakuan terhadap dosa-dosa yang telah dilakukan.

Penganut agama Kristian khususnya Roman Katholik melihat adalah perlu seseorang itu mengaku ke atas kesalahan yang telah dilakukannya. Oleh itu, ganjaran yang wajib diperolehi oleh individu tersebut kerana kejururannya itu ialah pengampunan daripada dosa-dosanya. Hal ini adalah amat jelas apabila Jesus Christ menyuruh pengikutnya supaya meninggalkan upacara korban yang sedang dilakukannya untuk membuat pengakuan tentang kesalahannya ke atas diri seseorang dan berdamai dengannya. ***Matthew 5:23-24*** menyebut:

"Therefore, if you are offering your gift at the altar and there remember that your brother has something against you, leave your gift there in front of the altar. First go and be reconciled to your brother; then come and offer your gift."

James 5:16 menyatakan:

"Therefore confess your sins to each other and pray for each other so that you may be healed. The prayer of a righteous man is powerful and effective."

Justeru, bagi individu dan khususnya Roman Katholik yang melakukan *confession*, dosa-dosanya sudah pasti akan diampunkan oleh Tuhan¹⁶⁴. Jaminan ini telah diberikan oleh Jesus Christ dan beliau sendiri juga telah memberikan keampunan terhadap dosa-dosa manusia semasa hidupnya. Apatah lagi melalui kematian beliau juga adalah untuk memberi jaminan kepada manusia bahawa dosa warisan dan dosa-dosa mereka diampunkan oleh Tuhan. Di dalam *Matthew 9:2-6*¹⁶⁵ menceritakan menyatakan tentang perbuatan Jesus Christ memberikan keampunan dosa kepada seorang lumpuh yang telah disembuhkannya:

"Some men brought to him a paralytic, lying on a mat. When Jesus saw their faith, he said to the paralytic, "Take heart, son; your sins are forgiven." At this, some of the teachers of the law said to themselves, "This fellow is blaspheming." Knowing their thoughts, Jesus said, "Why do you entertain evil thoughts in your hearts? Which is easier: to say, 'your sins are forgiven,' or to say, 'Get up and walk?' But so that you may know that the Son of Man has authority on earth to forgive sins..."

Berasaskan peristiwa tersebut, adalah wajar perkara yang sama dilakukan oleh para paderi. Hanya dengan ucapan dan perkataan paderi yang menjalankan upacara ini, dosa-dosa seseorang yang mengakui dosa-dosanya atau *confessor* akan diampunkan. Prosedur semasa upacara tersebut berjalan

¹⁶⁴ David Belgum (1963), *Guilt: Where Religion and Psychology Meet*, hal. 83

¹⁶⁵ Lihat juga *The New Testament (Mark 2:5-10)* dan *(Luke 5:20-24)*.

adalah mudah. Seseorang individu itu perlu menyatakan penyesalan terhadap dosa-dosanya sama ada dosa-dosa yang diingatinya ataupun tidak dan berapa kali melakukannya jika diingatinya. Paderi kemudiannya akan memberi sedikit nasihat dan menyatakan kepada beliau dalam perkataan di dalam bahasa Latin bagi agama Kristian mazhab Roman Katholik¹⁶⁶ sebagaimana terjemahannya di dalam bahasa Inggeris¹⁶⁷:

"May Our Lord Jesus Christ absolve thee, and I, by His authority, absolve thee from every bond of excommunication and interdict, according to my power and you need. Therefore, I absolve thee from thy sins, in the name of the Father and of the Son, and of the Holy Ghost". Amen.

Selesai sahaja paderi mengucapkannya, maka seseorang itu menjadi bebas daripada dosa-dosa yang telah dilakukannya. Hanya dengan beberapa puluh patah perkataan sahaja, maka dosa-dosa seseorang itu samada berat ataupun ringan diberikan pengampunan dengan mudah. Amat bertetapan dengan apa yang dinyatakan oleh David Belgum di dalam bukunya *Guilt: Where Psychology and Religion Meet*, bahawa *confession* bukan sahaja kesannya dari segi psikologi iaitu "menyembuhkan jiwa" tetapi yang pentingnya dari segi akidah iaitu untuk mengeluarkan orang-orang yang berdosa daripada kegelapan atupun *Kingdom of Darkness* kepada cahaya ataupun *Kingdom of Light*¹⁶⁸. Ataupun dengan kata lain menyucikan diri seseorang itu daripada dosa-dosa yang pernah dilakukannya.

¹⁶⁶ Loc.cit., *Guilt: Where Religion and Psychology Meet*, hal. 69.

¹⁶⁷ *Ibid.*

¹⁶⁸ *Ibid.*, hal. 4.

Secara umumnya, keseluruhan mazhab khususnya Roman Katholik mempercayai upacara *confession*, kerana ia bertujuan untuk membebaskan manusia daripada bebanan dosa, memperbaiki hubungan manusia dengan Tuhan dan untuk mengekalkan *penitent* atau individu yang ingin menyesal agar mendekatkan diri dan menjalankan hubungan dengan gereja secara berterusan.

4. Extreme Unction atau Holy Unction

Praktikal *extreme unction* ataupun dikenali juga dengan *holy unction* turut dikategorikan sebagai *sacrament*. Bagi penganut Kristian mazhab Roman Katholik pula ianya termasuk sebagai salah satu di antara *seven sacraments* yang wajib dilakukan.

Extreme unction merupakan satu bentuk upacara ibadat yang dilakukan oleh para paderi¹⁶⁹ untuk mengubati individu yang sakit. Pengubatan orang sakit di dalam upacara ini adalah berbentuk *supernatural*. Tujuan utama *extreme unction* dilakukan ialah untuk menyembuhkan orang yang sakit dari segi jasmani dan rohani melalui doa dan permintaan kepada rahmat Tuhan. *Extreme unction* juga dapat membantu menghapuskan dosa-dosa orang yang sedang nazak yang tidak sempat melakukan *confession* ketika mereka sihat ataupun belum sakit tenat.

¹⁶⁹ Di dalam menjalankan upacara ini tujuh orang paderi diperlukan kerana mengikuti tujuh bahagian anggota pesakit yang akan diberikan rawatan iaitu mata, telinga, hidung, mulut, tangan, kaki dan *reins*; namun di dalam kes-kes khas dan segera seorang paderi adalah mencukupi. William E. Addis and Thomas Arnold (1957), *A Catholic Dictionary*, hal., 334 dan Michael Keene (1995), *The Catholic Experience. Living Faith*, hal. 88-89.

Menurut mazhab Roman Katholik, upacara ini diasaskan oleh Jesus Christ sendiri. Menurut sejarah, Jesus Christ terkenal dengan keupayaannya menyembuhkan pelbagai penyakit yang susah disembuhkan pada zaman itu antaranya buta, lumpuh dan sopak. Malah beliau juga dapat menghidupkan semula orang yang telah mati dan menyembuhkan orang yang dirasuk syaitan.

Keupayaan Jesus Christ ini diceritakan di antaranya dalam *Matthew 4:23-24*:

"Jesus went throughout Galilee, teaching in their synagogues, preaching the good news of the kingdom, and healing every disease and sickness, among the people. News about him spread all over Syria, and people brought to him all who were ill, with various diseases, those suffering severe pain, the demon-possessed, those having seizures, and the paralyzed, and he healed them."

Jesus Christ juga dapat menyembuhkan orang-orang buta dan bisu. Di dalam

Matthew 9:27-33 menyatakan:

"As Jesus went on from there, two blind men followed him, calling out, "Have mercy on us, Son of David!" When he had gone indoors, the blind men came to him, and he asked them, "Do you believe that I am able to do this?" "Yes Lord," they replied. Then he touched their eyes and said, "According to your faith will it be done to you"; and their sight was restored.... While they were going out, a man who was demon-possessed and could not talk was brought to Jesus. And when the demon was driven out, the man who had been mute spoke. The crowd was amazed and said, "Nothing like this has ever been seen in Israel."

Selain daripada kedua-dua bukti tersebut, terdapat pelbagai keterangan tentang keupayaan Jesus Christ menyembuhkan pelbagai penyakit di dalam *The New Testament*. Boleh dikatakan di setiap tempat Jesus Christ pergi untuk menjalankan dakwahnya, beliau turut akan mengubati dan menyembuhkan penyakit orang ramai. Justeru, tugas utama Jesus Christ di dalam agama

Kristian selain daripada berdakwah dan menyelamatkan manusia daripada dosa warisan, beliau juga adalah seorang tabib yang menyembuhkan penyakit orang ramai hanya dengan menggunakan perkataan sahaja.

Kebolehan dan keupayaan untuk menyembuhkan penyakit bukan sahaja mampu dilakukan oleh Jesus Christ, malahan juga para *apostlenya*. St. Peter¹⁷⁰ salah seorang daripada apostle Jesus Christ membuktikan kemampuannya seperti yang disebut dalam *Acts. 5:14-16*:

"Nevertheless, more and more men and women believed in the Lord and were added to their number. As a result, people brought the sick into the streets and laid them on beds and mats so that at least Peter's shadow might fall on some of them as he passed by. Crowds gathered also from the towns around Jerusalem, bringing their sick and those tormented by evil spirits, and all of them were healed".

Berdasarkan kepada keadaan tersebut, para sarjana Kristian terutamanya dari mazhab Roman Katholik beranggapan bahawa *extreme unction* adalah *sacrament* yang diasaskan oleh Jesus Christ bertujuan untuk menyembuhkan individu yang sakit merangkumi fizikal dan spiritual yang tertumpu kepada pengampunan dosa-dosa individu tersebut¹⁷¹. Ini sekaligus membersihkan jiwa pesakit. Perkara ini diasaskan kepada perbuatan Jesus Christ yang memberikan pengampunan dosa ke atas seorang yang lumpuh

¹⁷⁰ Selain daripada St. Peter, St. Paul juga memperolehi anugerah daripada Tuhan untuk menyembuhkan penyakit atas nama Jesus Christ. Untuk keterangan lanjut lihat *The New Testament (Acts. 19:11)*.

¹⁷¹ William E. Addis and Thomas Arnold (1957), *A Catholic Dictionary*, hal. 334 dan George H. Demetrikopoulos (1964), *Dictionary of Orthodox Theology*, hal. 103

ketika beliau menyembuhkan penyakitnya seperti yang diceritakan di dalam

Matthew 9:2-7:

"Some men brought to him a paralytic, lying on a mat. When Jesus saw their faith, he said to the paralytic, "Take heart, son; your sins are forgiven." At this, some of the teachers of the law said to themselves, "This fellow is blaspheming." Knowing their thoughts, Jesus said, "Why do you entertain evil thoughts in your hearts? Which is easier: to say, 'your sins are forgiven,' or to say, 'Get up and walk?' But so that you may know that the Son of Man has authority on earth to forgive sins..." Then he said to the paralytic, "Get up, take your mat and go home." And the man got up and went home."

Keampunan terhadap dosa-dosa idividu yang sakit berjaya diperolehi kerana penganut agama Kristian khususnya Roman Katholik beranggapan bahawa para paderi mempunyai keupayaan untuk memberikan keampunan ke atas dosa-dosa manusia sebagaimana yang telah dijelaskan terdahulu dalam bab ini. (hal. 255-257). Untuk memberikan pengampunan, maka setiap paderi yang memberikan *extreme unction* terhadap ketujuh-tujuh anggota tubuh iaitu mata, telinga, hidung, mulut, tangan, kaki dan *reins* hendaklah mengucapkan "*By this holy unction, and by his most tender mercy, may the Lord forgive thee whatsoever sin thou hast committed by sight*" (perkataan yang terakhir iaitu *sight* berubah mengikut bahagian anggota yang diberikan rawatan). Justeru, *extreme unction*, selain daripada menyembuhkan penyakit ianya mempunyai keupayaan seperti *sacrament* yang lain iaitu baptis dan *confession* iaitu mengampunkan dosa-dosa seseorang. Rawatan penyembuhan yang dilakukan di dalam bentuk *supernatural* ini diyakini akan dapat memperbaiki roh, menyembuhkan jasad daripada penyakit yang dihidapi dan menghapuskan

dosa-dosa. Justeru, individu yang sakit akan selamat semasa *purgatory*¹⁷² kelak kerana roh mereka telah suci disebabkan dosa-dosa yang dilakukan telah diampunkan.

Berdasarkan kepada keyakinan yang melihat perlunya seseorang penganut agama Kristian itu dan khususnya bagi mazhab Roman Katholik menjadi suci daripada dosa terutamanya dosa warisan sebagai tiket untuk mengecapi kebahagiaan dalam Kerajaan Tuhan kelak memerlukan kepada *sacrament holy unction* ini. Ia sekaligus memperlihatkan bahawa *sacrament* ini juga tidak dapat lari daripada dikaitkan dengan dosa warisan kerana salah satu tujuannya adalah untuk menyucikan manusia daripada dosa warisan terutamanya kepada individu yang tidak berkesempatan menjalani upacara baptis. Tambahan pula pengasasannya dikaitkan dengan Jesus Christ yang mampu menyembuhkan pelbagai penyakit kronik seperti lumpuh dan sopak di samping memberikan keampunan dosa kepada mereka. Apatah lagi beliau telah mengorbankan dirinya di palang salib demi untuk menebus dan menyucikan manusia daripada dosa warisan. Roh yang telah suci daripada

¹⁷² Di dalam mazhab Roman Katholik, *purgatory* merupakan suatu tempat atau negara untuk menyucikan roh yang berlaku sebaik sahaja seseorang itu mati sama ada dosa kecil yang tidak diampun ataupun hukuman sementara ke atas dosa-dosa yang tidak ditebus. Bagi mazhab Orthodox pula menafikannya sebagai sebuah tempat sebagaimana yang dipercayai oleh Roman Katholik, malahan adalah sebuah negara untuk "kematangan dan kesempurnaan". *Purgatory* merupakan tempat tujuan terakhir manusia untuk pertumbuhan kerohanian di mana imej tuhan yang telah dikaburi dengan dosa semasa mereka hidup di dunia dipulihkan sepenuhnya semasa manusia berada di sana. Manakala Protestant menolak fahaman kedua-dua mazhab ini, kerana manusia secara eksklusifnya diselamatkan oleh Tuhan sahaja dan tidak memerlukan sebarang perantaraan ataupun adanya pertolongan selepas mati. Paul Kevin Meagher, Thomas C. O'Brien, Sister Consuelo Marie Ahenn'e (1979), *Encyclopaedic Dictionary of Religion*, hal. 2937-2938 dan lihat Khadijah Mohd Khambali @ Hambali (1999), *Perayaan-perayaan Agama Kristian*, hal. 70-71.

dosa warisan akan sentiasa bersatu dengan Jesus Christ dan sentiasa berada di dalam lingkungan *The Holy Spirit* serta rahmat Tuhan.

Justeru, semua pengikut agama Kristian diberi peluang untuk menyucikan diri mereka daripada dosa warisan dan dosa-dosa lain. Manakala individu yang sakit dan tidak berpeluang menjalani upacara baptis ketika sihat juga masih diberikan peluang untuk menyucikan diri daripada dosa warisan khususnya dan dosa-dosa lain amnya. Bagi mazhab Roman Katholik adalah jelas bahawa upacara *extreme unction* merupakan salah satu *sacrament* yang wajib, penting dan perlu dilakukan demi untuk membantu menyelamatkan individu Kristian Katholik yang sakit terutamanya yang tidak sempat menjalani upacara baptis untuk menjalani proses penyucian ketika berada di alam *purgatory* kelak iaitu selepas mereka mati. Hal ini diasaskan kepada perlakuan Jesus Christ mengampunkan dosa-dosa individu yang sakit dan telah disembuhkannya sepertimana yang dipaparkan di dalam *Matthew 9:2-7*¹⁷³.

Perbincangan-perbincangan tersebut di atas menjelaskan bahawa *holy sacrament* atau sakramen suci yang dilakukan iaitu baptis, *last supper*, *confession* dan *extreme unction* mampu untuk membersihkan individu Kristian khususnya Roman Katholik daripada segala bentuk dosa. Upacara-upacara tersebut diasaskan kepada peristiwa-peristiwa yang dialami dan dilalui oleh

¹⁷³ Untuk keterangan lanjut boleh dilihat juga di dalam *The New Testament (Mark 2:1-12)* dan *(Luke 5:17-26)*.

Jesus Christ dalam usahanya untuk menebus dosa warisan manusia. Kaitan upacara tersebut dengan peristiwa yang dilalui oleh Jesus Christ telah meletakkannya sebagai sakramen suci yang wajib dilakukan oleh penganut Roman Katholik khususnya untuk melepaskan diri fizikal dan spiritual daripada segala bentuk kesalahan yang dilakukan. Penghapusan dosa warisan telah berjaya ditebus oleh Jesus Christ dan berdasarkan peristiwa-peristiwa yang dilaluinya pula mampu untuk menghapuskan dosa dan kesalahan penganut Roman Katholik khususnya dan penganut Kristian kini amnya. Ini bererti bahawa sakramen suci yang dikaitkan kepada penebus dosa warisan iaitu Jesus Christ lebih bertujuan untuk menghapuskan dosa para penganut Kristian kini demi mencapai kesucian jiwa dan mendapat rahmat Tuhan di Kerajaan-Nya kelak. Untuk memastikannya tercapai, agama Kristian dan khususnya gereja Roman Katholik turut menetapkan doktrin penebusan dosa atau *atonement* sebagai salah satu tunjang akidah yang wajib dipercayai. Ia bukan sahaja sebagai suatu keyakinan akidah semata-mata tetapi pelengkap keseluruhan upacara penebusan dosa. Ini bererti tanpa *atonement*, penganut Roman Katholik khususnya belum benar-benar bersih dan suci daripada dosa warisan, dosa dan kesalahan yang akan menjadikannya jauh daripada rahmat Tuhan di Kerajaan-Nya nanti.

D. KAITAN DOKTRIN DOSA WARISAN DENGAN DOKTRIN PENEBUSAN DOSA ATAUPUN *ATONEMENT*.

Atonement ataupun penebusan dosa oleh Jesus Christ merupakan salah satu doktrin dan tunjang akidah utama yang penting dalam mazhab Roman

Katholik khususnya dan agama Kristian. Sejarah agama Kristian menyaksikan bahawa kematian Jesus Christ di tiang salib (berdasarkan kepada kepercayaan mereka) merupakan suatu perkara yang wajib di lakukan oleh Jesus Christ. Ini kerana ia merupakan tujuan utama Jesus Christ diutuskan ke dunia ini semata-mata sebagai penebus dosa warisan yang ditanggung oleh manusia akibat daripada perbuatan Adam dan Eve. David L. Coper di dalam bukunya *The Eternal God Revealing Himself to Suffering Israel and to Lost Humanity*, menjelaskan bahawa antara tujuan utama Jesus Christ diutuskan ke dunia ini ialah untuk menebus dosa warisan¹⁷⁴.

Alasan utama melayakkan Jesus Christ sebagai penebus dosa adalah kerana manusia lain tidak mempunyai pengetahuan ataupun tidak mencapai kepada pengetahuan yang sebenar tentang dosa. Ini kerana perkara tersebut berada di dalam pengetahuan Tuhan dan oleh itu hanya Tuhan sahaja yang mengetahui mengenainya. Justeru, di peringkat awal lagi, Tuhan melarang Adam dan Eve daripada memakan buah pohon *the tree of good and evil* kerana ianya menunjukkan manusia berusaha ingin menjadi Tuhan dan mengetahui segala perkara baik dan buruk. Memandangkan Jesus Christ adalah anak Tuhan, beliau layak untuk menjadi penebus disebabkan pengetahuannya yang sebenar tentang dosa. Sementalah pula, Jesus Christ turut merupakan anak kepada manusia kerana mempunyai daging, darah manusia dan dilahirkan oleh manusia. Oleh itu, kelayakan yang ada padanya

¹⁷⁴ David L. Coper (1953), *The Eternal God Revealing Himself to Suffering Israel and to Lost Humanity*, hal. 212

adalah berganda. Ini kerana Jesus Christ bukan sahaja berada di kedudukan Tuhan sebagai yang Maha Mengetahui bahkan beliau turut berada di kedudukan manusia sebagai keturunan yang mewarisi dosa Adam walaupun dirinya tidak dijangkiti dosa warisan. Namun, keperitan dan derita generasi manusia seterusnya menanggung dosa warisan turut dirasai Jesus Christ atas sebab dirinya berketurunan manusia. Dirinya sebagai Tuhan adalah alasan melayakkannya untuk menjadi penebus dosa warisan. Justeru penebusan dosa yang dilakukan oleh Jesus Christ adalah sebagai suatu urusan di antara manusia dengan Tuhan untuk mencapai kesempurnaan hidup¹⁷⁵.

Dengan kelebihannya sebagai Tuhan dan dalam masa yang sama juga sebagai manusia, maka ianya memberikan kelayakan kepada Jesus Christ supaya manusia dapat merasai bahawa diri mereka disayangi oleh Tuhan¹⁷⁶. Ia membawa maksud bahawa Tuhan hidup seperti manusia dan akan mati kerana manusia melalui penebusan dosa warisan. Justeru, Jesus Christ bukan sahaja sebagai *son of god*, penyelamat atau *heavenly redeemer* bahkan beliau adalah *son of man*, penjelmaan perubahan manusia atau *eschatological* yang disebut sebagai Adam yang terakhir atau *last Adam*. Jesus Christ turut diletakkan sebagai Tuhan yang sentiasa hidup di dalam diri manusia iaitu *God-in-flesh*¹⁷⁷. Melihat keakrabannya dengan manusia yang hidup di dunia ini dan kedudukannya sebagai *son of God* yang tunggal, bererti tidak wujud individu

¹⁷⁵ F. Hugh Capron (t.t), *The Anatomy of Truth*, edisi ke-6, hal. 204. Lihat juga di dalam *The New Testament (Matthew 5:48)* dan *(John 10:30)*.

¹⁷⁶ Kern Robert Trenbath (1991), *Divine Revelation; Our Moral Relation With God*. Oxford, New York: Oxford University Press, hal. 153.

¹⁷⁷ *Ibid.*

lain yang layak untuk memikul tugas sebagai penebus dosa manusia melainkan Jesus Christ seorang. Apabila Jesus Christ mempunyai kelayakan sedemikian, maka beliau perlu menjalankan tugasnya untuk menebus dosa-dosa manusia iaitu dosa warisan yang diwarisi akibat kesalahan yang dilakukan oleh Adam dan Eve semasa mereka tinggal di Eden.

J.D. Douglas di dalam bukunya *The New Bible Dictionary*, menggariskan tiga perkara perlunya penebusan dosa dilakukan oleh Jesus Christ. Tiga perkara tersebut ialah 1) atas sifat dosa yang bersifat sejagat, 2) keseriusan dosa dan 3) ketidakmampuan manusia untuk menangani dosa¹⁷⁸. Atas dasar tiga perkara inilah, maka perlu adanya seorang penebus. Kajian ini mendapati bahawa ketiga-tiga perkara tersebut secara khususnya dikaitkan dengan dosa warisan kerana pada pandangan Kristian dan khususnya mazhab Roman Katholik, dosa warisan itu adalah bersifat sejagat dan ianya dibebankan ke atas setiap individu manusia, tidak mengira bangsa dan darjah mereka. Apatah lagi setiap manusia juga tidak bebas daripada dosa-dosa lain yang dilakukannya. Ini menunjukkan bahawa dosa warisan memberikan impak yang serius ke atas diri individu yang meletakkannya jauh daripada rahmat Tuhan dan mendorongnya bertindak menentang Tuhan dengan melakukan dosa. Di samping itu, dosa warisan telah turut menjadikan pertahanan manusia lemah dan seterusnya membangkitkan keinginan manusia

¹⁷⁸ J.D. Douglas (1965), *The New Bible Dictionary*. London: The Inter-Varsity Fellowship, cet. ke-4, hal. 107.

untuk terus melakukan dosa kerana ketidakmampuan melawan ajakan-ajakan nafsu ke arah perbuatan dosa¹⁷⁹.

Upacara *atonement* ini turut dibincangkan oleh agama Yahudi. Namun ia adalah jauh berbeza. Ini kerana penebusan dosa di dalam agama Yahudi tidak memerlukan kepada jiwa manusia sebagai penebusnya. Menurut agama Yahudi, walaupun dosa itu bersifat universal tetapi ianya merupakan tanggungan individu. Bahkan tidak ada di dalam kamus ajaran Yahudi secara teologi tentang kepercayaan bahawa manusia mewarisi dosa pertama yang dilakukan oleh Adam dan Eve¹⁸⁰. Tuhan telah menyatakan di dalam *Ezeikel 18:20*:

"The soul who sins is the one who will die, the son will not share the guilt of the father, nor will the father share the guilt of the son. The righteousness of the righteous man will be credited to him, and the wickedness of the wicked will be charged against him."

Leviticus 17:11 pula menyatakan:

"I have given it to you upon the altar to make an atonement for your souls"

Kenyataan tersebut memperlihatkan bahawa *atonement* di dalam agama Yahudi bukanlah bersifat sejagat tetapi ianya suatu upacara keagamaan yang berkala bentuknya. Ini sekaligus membezakannya daripada konsep *atonement* di dalam agama Kristian kerana doktrin dosa warisan adalah

¹⁷⁹ Untuk keterangan lanjut boleh dilihat *ibid.*, hal. 107-108.

¹⁸⁰ R. J Zwi Werblowsky & Geofrey Wigoder (1967), *The Encyclopedia of the Jewish Religion*, hal. 141.

tunjang akidah. Selain daripada itu, *atonement* di dalam agama Kristian memerlukan manusia sebagai galang gantinya untuk menebus dosa warisan kerana asal dosa ini diakibatkan oleh perbuatan manusia iaitu Adam dan Eve.

Di dalam ***Hebrews 9:15*** menyatakan:

"For this reason Christ is the mediator of a new covenant, that those who are called may receive the promised eternal inheritance-now that he has died as a ransom to set them free from the sins committed under the first covenant."

Justeru, ia menjelaskan bahawa menurut kepercayaan Kristian dan khususnya mazhab Roman Katholik, dosa warisan berkait rapat dengan doktrin *atonement*. Ini dilihat daripada fungsi *atonement* sebagai alat untuk menebus dosa sepetimana disebut di dalam agama Yahudi. Memandangkan *The Old Testament* merupakan salah satu sumber rujukan penting di dalam agama Kristian, ia turut meletakkan *atonement* sebagai doktrin utama ke arah penebusan dosa. Hanya konsep dan falsafah ajarannya sahaja berbeza daripada agama Yahudi.

Menurut agama Yahudi, dalam usaha menebus dosa melalui upacara *atonement* ini, haiwan seperti kambing dikorbankan demi mencapai tujuan tersebut. Ia berbeza daripada ajaran Kristian khususnya Roman Katholik yang meletakkan Jesus Christ sebagai korban untuk mencapai tujuan penghapusan dosa warisan. Ini disebabkan kedudukan dan kelayakan Jesus Christ sebagai *son of God* dan *man of God*. Tambahan pula, dosa warisan merupakan dosa asal manusia pertama Adam dan Eve yang diwariskan kepada setiap manusia seterusnya. Memandangkan dosa warisan adalah dosa yang sukar ditebus oleh

individu lain melainkan Jesus Christ, maka beliau adalah korban dalam *atonement*. Justeru upacara *atonement* dalam agama Kristian khususnya Roman Katholik hanya perlu dilaksanakan sekali sahaja sebagai penghapusan dosa dan kesannya pula kekal selama-lamanya hingga akhir zaman. Ini dijelaskan oleh ***Hebrews 9:11-14***:

"When Christ came as high priest of the good things that are already here, he went through the greater and more perfect tabernacle that is not man-made, that is to say, not a part of this creation. He did not enter by means of the blood of goats and calves; but he entered the Most Holy Place once for all; by his own blood, having obtained eternal redemption. The blood of goats and bulls and the ashes of a heifer sprinkled on those who are ceremonially unclean sanctify them so that they are outwardly clean. How much more, then, will the blood of Christ, who through the eternal Spirit offered himself unblemished to God, cleanse our conscience from acts that lead to death, so that we may serve the living God!"

Bertitiktolak daripada keterangan tersebut memperlihatkan bahawa agama Kristian dan khususnya mazhab Roman Katholik mempercayai bahawa kematian Jesus Christ di tiang salib merupakan suatu bentuk *atonement* yang bersifat *divine act* yang bertujuan untuk menyelamatkan manusia daripada bahana dosa warisan yang melanda manusia sejagat akibat daripada perbuatan Adam dan Eve di Eden. Ini kerana Tuhan Bapa telah menjelma ataupun *incarnate* di dalam diri Jesus Christ semata-mata untuk menunjukkan kasih sayang-Nya dan menyelamatkan manusia daripada dosa warisan¹⁸¹.

¹⁸¹ Richard Struch (1991), *The Word and the Christ. An Essay in Analytic Christology*. Oxford: Clarendon Press, hal. 121 & 176.

Berdasarkan keterangan dan dalil-dalil yang diperolehi, kajian ini melihat bahawa penebusan dosa yang dilakukan oleh Jesus Christ sebagaimana yang dipercayai penganut Kristian dan khususnya mazhab Roman Katholik bukanlah untuk mendapat keampunan daripada Tuhan secara total, menyeluruh dan mutlak. Ini kerana setiap para penganut agama Kristian khususnya Roman Katholik perlu melakukan upacara baptis untuk menghapuskan dosa warisan di dalam dirinya walhal ianya telah diampuni oleh Tuhan untuk manusia melalui Jesus Christ dengan pensalibannya di tiang salib. Kajian ini mendapati bahawa penebusan yang dilakukan oleh Jesus Christ adalah seumpama mendapatkan lesen ataupun kelulusan daripada Tuhan agar dosa warisan diampunkan dan seterusnya mendapat rahmat Tuhan. Untuk terus mempastikan rahmat Tuhan benar-benar diperolehi penganut Kristian masih perlu melakukan upacara lain seperti baptis untuk menghapuskan dosa warisan. Justeru, apakah kepentingan dan perlunya Jesus Christ mengorbankan dirinya semata-mata untuk meminta "lesen" ke arah penebusan yang abadi. Sewajarnya, kedudukan Jesus Christ sebagai *son of God* dan *man of God* membolehkannya berdoa sahaja agar dosa warisan tersebut dihapuskan. Justeru kematian Jesus Christ di tiang salib dengan tujuan menebus dosa manusia dan kaitannya dengan doktrin dosa warisan boleh dipertikaikan keabsahannya. Ianya kelihatan seperti sengaja diada-adakan sebagai suatu pembuktian bahawa Jesus Christ itu mati di tiang salib untuk kebahagiaan manusia sejagat. Pastinya ia berkaitan dengan misi St. Paul yang berusaha meletakkan agama Kristian bersifat universal dengan mengadun pelbagai ajaran Pagan dan agama Yahudi yang disesuaikan dengan agama

Kristian. Ini bererti, segala konsep dan falsafah ajaran Kristian ini diadaptasi daripada unsur-unsur dan amalan agama-agama lama khususnya yang berkaitan doktrin dosa warisan adalah terserlah. Oleh itu adalah bertepatan bahawa elemen-elemen tersebut sebagai asas kepada pembentukan doktrin-doktrin dosa warisan agama Kristian sepertimana yang dijelaskan dalam bab 2 walaupun agama Pagan dan agama Yahudi tidak memiliki kepercayaan atau doktrin dosa warisan. Perbezaan ini yang telah meletakkan doktrin dosa warisan agama Kristian dan khususnya Roman Katholik tersendiri bersesuaian dengan tuntutan ajaran dan falsafah agama Kristian.

E. KESIMPULAN

Jelaslah di sini bahawa dosa di dalam agama Kristian adalah sesuatu yang amat subjektif bentuknya. Doktrin dosa dan dosa warisan lebih berbentuk perbahasan falsafah. Justeru, kajian ini mendapati bahawa para pengikut agama Kristian tidak perlu memahami tentang falsafah dan konsep sesuatu *sacrament*, tetapi wajib mempercayai akan nilai *sacrament* yang terdapat di dalamnya. Ini jelas sebagaimana yang dikatakan oleh John Hick di dalam bukunya *Evil and the God of Love*, bahawa ajaran-ajaran St. Paul adalah sesuatu ajaran yang susah untuk ditafsir dan ditakwilkan¹⁸². Begitu juga sebagaimana yang diperkatakan oleh W. Adams Brown di dalam bukunya *Christian Theology in Outline* ketika beliau membicarakan tentang dosa di

¹⁸² John Hick (1985), *Evil and the God of Love*, hal. 206.

dalam agama Kristian iaitu "*We face here a mystery which we cannot explain, yet we may not deny.*"¹⁸³

Adalah wajar bagi setiap ajaran agama khususnya yang berkaitan dengan tunjang akidah perlu mudah difahami dan tidak mengelirukan para pengikutnya seperti mana agama Kristian yang berbentuk falsafah dan sukar difahami dengan telus dan mampan. Keadaan ini berlaku kerana berkemungkinan St. Paul sebagai pengasas kedua agama Kristian yang bertanggungjawab memperkenalkan segala bentuk doktrin baru agama Kristian adalah seorang yang cenderung kepada perbincangan falsafah dan falsafah agama-agama Pagan. Kesinambungan ajaran-ajaran tersebut diteruskan dan diasaskan pula oleh St. Augustine yang turut merupakan seorang ahli falsafah dan terpengaruh dengan aliran-aliran falsafah Greek seperti Platonisma, Neo-Platonisma dan juga Manichaeisma. Begitu juga Luther reformis agama Kristian turut merupakan seorang ahli falsafah. Ini mendorong bentuk-bentuk ajaran agama Kristian berbentuk falsafah.

Bukti-bukti yang menunjukkan doktrin dosa warisan ini hanyalah berbentuk umum. Tidak wujud sebarang bentuk bukti atau keterangan yang menyebut secara langsung tentang doktrin dosa warisan sama ada dalam *The Old Testament* atau *The New Testament* sebagai rujukan utama agama Kristian. Bukti-bukti tersebut hanya dipetik daripada peristiwa yang dilalui

¹⁸³ Walaupun demikian, penulis tidak menemui buku asal karangan W. Adams Brown, Namun teksnya boleh diperolehi daripada James Hastings (1920), *Encyclopedia of Religion and Ethics*, jilid 11, hal. 543.

oleh Adam dan Eve yang dijadikan sandaran dan asas ke arah pembentukan doktrin dosa warisan. Selain daripada itu, ajaran St. Paul yang mengaitkan pensaliban Jesus Christ sebagai penebus dosa warisan manusia akibat perbuatan Adam dan Eve telah dijadikan titik tolak ke arah pengasasan doktrin dosa warisan. Gabung jalin di antara kenyataan-kenyataan tersebut telah diletakkan sebagai bukti kukuh ke arah perlaksanaan doktrin dosa warisan. Ini membuktikan bahawa doktrin dosa warisan bukanlah ajaran asal Jesus Christ. Ia hanya diperkenalkan oleh St. Paul selepas beberapa dekad "ketiadaan" Jesus Christ dan dilaksanakan oleh St. Augustine pada abad ke-5M.

Berikutnya daripada keadaan tersebut telah melahirkan beberapa pendapat pro dan kontra di kalangan mazhab dan tokoh-tokoh teologi Kristian terhadap perlaksanaan doktrin dosa warisan. Pelagius di antara teologi Kristian yang menolak perlaksanaan doktrin dosa warisan kerana berpendapat bahawa anugerah rahmat Tuhan tidak terikat kepada Jesus Christ dan upacara-upacara *sacrament*. Justeru, manusia bebas dan mampu menentukan kedudukannya di hadapan Tuhan kelak.

Walau bagaimanapun mazhab-mazhab utama Kristian khususnya Roman Katholik tidak menolak upacara *sacrament*. Bahkan ia diletakkan sebagai praktikal keagamaan utama. Ini kerana *sacrament* memainkan peranan yang penting di dalam membentuk generasi Kristian yang sejati dan taat kepada perintah gereja. Walaupun pelbagai mazhab di dalam agama Kristian mempunyai pandangan yang berbeza tentang jumlah *sacrament* yang wajib

dilakukan oleh masyarakat Kristian, namun mereka sekata dan sependapat bahawa upacara *sacrament* tersebut adalah diasaskan oleh Jesus Christ sendiri sebagai pengasas kepada gereja di dunia mahupun di akhirat. Selain daripada itu, *sacrament* mempunyai nilai-nilai dan kuasa yang mampu terlaksana dengan segera hanya melalui beberapa patah perkataan yang diucapkan paderi. Menurut mazhab Roman Katholik yang meyakini bahawa roti akan bertukar menjadi jasad Jesus Christ apabila paderi mengucapkan perkataan "*this is my body*" ketika upacara *Eucharist* dijalankan. Begitu juga dalam upacara-upacara *sacrament* yang lain, hanya melalui perkataan sahaja Jesus Christ dan *Holy Spirit* akan hadir dan bersatu dengan pengikut Jesus Christ yang melakukan sesuatu upacara *sacrament*.

Kebanyakan upacara *sacrament* yang dijalankan pula adalah bertujuan untuk mengapuskan dosa. Umpamanya baptis mempunyai kuasa yang luarbiasa iaitu boleh bertindak seperti Jesus Christ menghapuskan dosa warisan dan sekaligus dapat menghapuskan dosa-dosa lain yang dilakukan oleh seseorang Kristian. Begitu juga dalam upacara-upacara *sacrament* yang lain seperti *Confession* dan *Extreme Unction* yang tertumpu kepada penghapusan dosa dan kesalahan individu Kristian.

Apa yang jelas, *sacrament* menjadikan impian manusia menjadi kenyataan untuk menjadi seperti Tuhan setelah mereka bebas dan suci daripada dosa dan dosa warisan kerana wujudnya penyatuan diri dengan Jesus Christ dan dinaungi pula oleh *The Holy Spirit* sepanjang kehidupan manusia.

Apabila dihalusi perkara ini, ternyata ianya terpengaruh dengan falsafah ajaran agama Pagan yang meletakkan pemimpin-pemimpin negara atau raja-raja seperti Osiris, Horus dan Isis adalah Tuhan. Unsur-unsur sedemikian diadaptasi dan diserapkan ke dalam ajaran agama Kristian sebagai usaha menarik masyarakat bukan Yahudi menganuti Kristian. Ia adalah usaha St. Paul untuk menjadikan Kristian agama universal.

Bertitiktolak daripada usaha St. Paul telah meletakkan agama Kristian mulai mendapat tempat di hati para penganut agama Pagan kerana ingin mencapai kedudukan seperti raja-raja Pagan terdahulu menjadi seperti Tuhan. Oleh itu, doktrin dosa warisan ini diolah sedemikian untuk membuktikan penyatuan diri penganut Kristian dengan Jesus Christ melalui penyebusan dosa dapat meletakkannya suci daripada dosa warisan dan dosa sama seperti kesucian Tuhan. Ini bererti doktrin dosa warisan adalah adaptasi daripada ajaran dan falsafah agama Pagan bukannya ajaran asal Jesus Christ jelas terbukti. Hanya berbeza dari aspek konsep ajaran bersesuaian dengan tuntutan dan falsafah agama Kristian dan khususnya mazhab Roman Katholik. Namun, asas kepada pembentukan doktrin dosa warisan agama Kristian dan khususnya Roman Katholik ini diambil daripada unsur-unsur dan elemen-elemen amalan dan kepercayaan agama-agama Pagan dan agama Yahudi sepetimana yang dijelaskan dalam bab 2 sebelum ini.